



# *Risalah*

**MEMBANGUN MASYARAKAT  
ISLAM CEMERLANG SINGAPURA**





*Pisalah*

**MEMBANGUN MASYARAKAT  
ISLAM CEMERLANG SINGAPURA**

**Edisi Kedua**

Disediakan Oleh

Pejabat Mufti

Majlis Ugama Islam Singapore

Copyright © 2006 Majlis Ugama Islam Singapore

Publisher by Majlis Ugama Islam Singapore

Designed & Printed by The Print Lodge Pte Ltd

*All right reserved, No part of this document may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopying and recording, or by any information storage and retrieval system, without permission in writing from the publisher.*



# ISI KANDUNGAN

<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
Perutusan Edisi Kedua.....	ii
Latarbelakang.....	iii
Penghargaan.....	iv
Pendahuluan.....	v
Ethos sepuluh ciri masyarakat Islam cemerlang.....	viii
1 Berpegang teguh pada prinsip Islam dan dapat menyesuaikan diri dengan konteks yang berubah.....	1
2 Menghayati tamadun dan sejarah Islam dan berupaya memahami isu-isu semasa.....	21
3 Menghargai lain-lain tamadun, yakin diri untuk berinteraksi dan sedia belajar daripada masyarakat lain.....	31
4 Mempunyai moral yang tinggi dan sifat kerohanian yang utuh, mampu mengatasi cabaran kehidupan masyarakat moden.....	41
5 Progresif, mengamalkan Islam lebih sekadar ritual/bentuk dan dapat menyesuaikan diri dengan arus permodenan.....	53
6 Dapat menyesuaikan diri sebagai golongan yang memberi sumbangan dalam masyarakat berbilang agama dan negara sekular.....	61
7 Tidak menyisihkan diri dan menerima kehidupan majmuk tanpa mengabaikan prinsip dan nilai.....	69
8 Percaya bahawa Muslim yang baik adalah rakyat yang baik.....	79
9 Membawa kesejahteraan kepada semua dan menggalakkan nilai dan prinsip seagat.....	87
10 Menjadi contoh dan inspirasi kepada semua.....	95

## PERUTUSAN EDISI KEDUA

Edisi kedua dokumen *Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura* merupakan susulan bagi Dokumen Kerja yang telah dilancarkan semasa Seminar Perancangan Kerja (Workplan Seminar) Muis yang diadakan pada 4 Februari 2006. Dokumen ini adalah hasil pengumpulan maklum balas dari proses konsultasi yang dijalankan bersama individu masyarakat Islam di Singapura dalam beberapa perbincangan mengenai kandungan dan pendekatan *Risalah*. Di antaranya adalah diskusi bersama tiga kumpulan fokus, pembentangan bagi aktivis dan anggota pentadbir masjid, serta golongan asatizah dan belia.

Antara maklum balas yang kami terima menyarankan agar bahasa yang digunakan di dalam *Risalah* ini perlu dipermudahkan, serta contoh-contoh aplikasi kontemporari dimuatkan untuk menerangkan setiap ciri dengan lebih terperinci. Edisi kedua ini telah mengambil kira maklum balas sedemikian.

Namun begitu, edisi yang berperanan sebagai dokumen asas bagi agenda dakwah, kepimpinan dan pendidikan dalam konteks Singapura ini akan terus dikembangkan dan diperbaiki mengikut peredaran masa dan perubahan keadaan, di samping maklumbalas berterusan daripada masyarakat. Oleh yang demikian, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengetengahkan komentar, kritikan dan cadangan mereka untuk memperbaiki *Risalah* ini. Semoga usaha yang murni ini mendapat berkat dan petunjuk dari Allah s.w.t. dan Rasul-Nya dalam usaha kita menjadi umat contoh yang membawa kesejahteraan pada seluruh alam.

Mohd Murat Md Aris  
Pengarah Ehwat Agama  
Majlis Ugama Islam Singapura

## LATARBELAKANG

Sebagai masyarakat Islam, usaha kita untuk mencapai kecemerlangan adalah usaha yang berterusan. Untuk menjadi umat yang terbaik yang Allah lahirkan bagi manusia sejagat, kita harus berjaya dalam setiap lapangan kehidupan moden hari ini, terutama sekali dari sudut sosio-keagamaan.

Dalam hal ini, kita tentulah perlu jelas tentang apakah yang dimaksudkan dengan kecemerlangan. Kecemerlangan ini jelas terpancar dalam penghayatan ibadah dalam erti katanya yang menyeluruh, serta menghayati intipati ibadah itu sendiri. Mesej kemurnian agama di sebalik pengamalan perlu dikongsi bersama sekalian umat manusia. Dalam lain perkataan, umat Islam harus mencapai penghayatan serta pengamalan agama yang mendalam dan tepat.

Kecemerlangan dalam bidang sosial pula seharusnya memaparkan kita sebagai anggota masyarakat Singapura sepenuhnya, yang menyumbang kepada kebaikan semua dan mampu berdiri sama tinggi bersama masyarakat lain dalam kemajuan sosial. Dalam hal ini, apakah pula erti penghayatan serta pengamalan agama yang mendalam dan kemajuan sosial dalam konteks Singapura?

Risalah ini adalah usaha pertama kami dalam melahirkan jawapan bagi persoalan tersebut. Ia merakamkan sepuluh ciri Masyarakat Islam Cemerlang Singapura dalam bidang sosio-keagamaan, lengkap dengan penjelasan, penghayatan dan contoh dari tamadun dan sejarah Islam, di samping penilaian suasana dan pengalaman kontemporari serta persiapan menghadapi cabaran masa depan.

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam adalah agama yang dinamik, dan umat Islam mampu mengamalkan agama ini dengan selesa dalam pelbagai konteks yang berbeza. Sejarah Umat Islam penuh dengan contoh Ulama' silam yang telah berusaha gigih untuk mengatasi cabaran dan berdepan dengan realiti kehidupan zaman mereka.

Bagi kita pula, keadaan masyarakat Islam di Singapura adalah unik. Dewasa ini, kita hidup dalam masyarakat berbilang agama, negara sekular dan dunia yang global. Mungkin tidak ada model dari sejarah Islam yang dapat dijadikan contoh yang boleh kita ikuti. Oleh itu, kita terpaksa mengemudi bahtera masyarakat kita ini dan menentukan arah tujuan masyarakat kita sendiri berdasarkan prinsip dan nilai-nilai Islam. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk berjaya dalam bidang sosio-keagamaan tanpa menggadaikan asas-asas Islam.

## PENGHARGAAN

Majlis Ugama Islam Singapura merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap individu yang telah menyumbang idea, pendapat dan memberikan kritikan yang membangun demi sama-sama memperbaiki kandungan dan pendekatan *Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura* ini. Khususnya kepada mereka yang telah berpartisipasi dalam siri konsultasi yang kami buat sebelum ini. Penghargaan khas kami kepada mereka yang telah memberikan komentar bertulis mahu pun melalui e-mail.

Buat edisi kedua ini, kami mengucapkan penghargaan tertinggi kepada anggota-anggota kumpulan fokus yang telah menyumbang idea dan maklum balas membangun untuk memperbaiki *Risalah* ini.

Di antara mereka yang menyumbang kepada edisi pertama adalah Prof Dr Sidek Baba, Ustaz Hj Ali bin Muhammad, Ustaz Firdaus Yahya, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Cikgu Abdul Ghani Pitchay dan Ustaz Abdul Jalil Abdul Razak yang telah menulis kepada kami komentar dan kritikan mereka. Penghargaan tertinggi kami bagi mereka.



## PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang merangkumi prinsip, hukum, sejarah dan tradisi. Elemen-elemen ini merupakan komponen utama yang mencorak kehidupan keagamaan sesebuah masyarakat Islam. Umumnya, prinsip-prinsip serta hukum agama dilahirkan dari sumber wahyu Ilahi, iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Sejarah dan tradisi keagamaan di dalam pengalaman Umat Islam pula, dari sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. sehinggalah sekarang ini, menunjukkan keanjalan Islam dan bagaimana masyarakat Islam terdahulu berusaha mengharmonisasikan di antara keperluan keagamaan dan keadaan kehidupan mereka yang berubah-ubah.

Pengalaman mereka mengajar kita bagaimana masyarakat Islam dapat hidup sebagai Umat Islam yang dapat merealisasikan matlamat agama, namun di dalam konteks yang berbeza dari kehidupan masyarakat Islam sebelumnya, atau yang hidup dalam suasana yang berlainan. Pendekatan terhadap kehidupan beragama telah mereka sesuaikan dengan keadaan mereka yang berubah, demi memastikan bahawa matlamat dan objektif kehidupan Umat Islam dapat dipelihara dengan selamatnya. Ini telah berjaya mereka laksanakan, tanpa menggadaikan sama sekali dasar-dasar dan kehendak asas agama Islam itu sendiri.

Seperti yang dilukiskan oleh sejarah Islam, risalah Islam mengambil wajah baru di kota Madinah, jika dibandingkan dengan peringkat pengalaman masyarakat Islam di kota Makkah. Contohnya, kehidupan sosial yang komprehensif telah diatur oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang menerima pengikut agama lain (seperti ahli Kitab dan golongan musyrikin) sebagai sebahagian dari Umat Baginda S.A.W, dengan pelakaran piagam Madinah oleh Baginda S.A.W. Rakyat Madinah yang bukan Islam dijamin keselamatan serta keamanan untuk mengamalkan agama mereka. Cara kehidupan Islam yang inklusif ini, yang berteraskan kedamaian, persefahaman dan kerjasama di antara penganut agama yang berbeza, mungkin tidak boleh digambarkan di dalam keadaan awal Islam di kota Makkah.

Sejarah para Khulafa' al-Rasyidun juga membawa pengajaran yang pelbagai di dalam penyesuaian pemahaman agama dengan keadaan Umat Islam yang baru. Pengalaman Sayyidina 'Umar al-Khattab R.A. dan ijtihad-ijtihadnya membuktikan keanjalan Islam yang mampu merealisasikan keadilan agama di dalam suasana yang berbeza. Berikutan dari zaman Khulafa', terdapat ramai 'ulama yang membuktikan bahawa pengamalan

agama seharusnya disesuaikan dengan keadaan khusus bagi sesuatu masyarakat, selagi mana prinsip-prinsip agama tidak digadaikan, bahkan diperbaharui penghayatan serta aplikasinya dengan sebaik mungkin. Di dalam bidang perundangan Islam umpamanya, usaha Imam Syafi'e R.A. mempamerkan perlunya meraikan konteks, apabila beliau mengubah banyak dari pendapatnya setelah berhijrah dari Kufah di Iraq, ke Kahirah di Mesir. Ini adalah kerana bezanya suasana kehidupan di kedua kota tersebut.

Faktor-faktor luaran, seperti keadaan geopolitik dan hakikat kehidupan sosial, mempunyai kesan yang kuat untuk memaksa perubahan di dalam cara kita memahami dan mengamalkan agama. Contohnya, para pendatang Asia Selatan ke Britain (kebanyakan mereka beragama Islam) menghadapi masalah untuk menyesuaikan kehidupan keagamaan mereka dengan keadaan negara sekular dan berbilang kaum.<sup>1</sup> Hal ini telah mengheret mereka untuk terpaksa menerima penyelesaian yang mungkin sahaja boleh mengundang masalah baru. Ini seperti lahirnya di dalam bidang perundangan di Britain konsep "Syariah-Inggeris"<sup>2</sup> dan lahirnya banyak ijtihad individu (micro-ijtihad).<sup>3</sup>

Namun, kecemerlangan tidak akan tercapai sekiranya kita menantikan perubahan itu berlaku dengan sendirinya, kerana ia mungkin mengambil haluan yang tidak kita inginkan. Sebaliknya, kita harus menyahut baik cabaran ini dengan cara yang proaktif, dan berani melakarkan gaya kehidupan keagamaan yang bersesuaian dengan keadaan kita tersendiri. Di dalam melaksanakan usaha ini, kita perlu akur dengan beberapa realiti kehidupan kontemporari bagi masyarakat Islam Singapura.

Di antaranya adalah konsep kenegaraan, satu konsep yang baru di dalam perbincangan perundangan Islam. Apakah tanggungjawab seseorang rakyat terhadap penduduk lain sesebuah negara, dan terhadap negaranya sendiri? Begitu juga keadaan masyarakat Islam sebagai minoriti di dalam negara sekular yang berbilang kaum dan agama. Realiti yang ketiga adalah keadaan dunia yang bersifat global dewasa ini. Maka apakah peranan serta tanggungjawab Muslim yang hidup di dalam suasana ini? Apakah identiti tersendiri masyarakat Islam Singapura?

Dengan berpandukan wawasan untuk menjadi "sebaik-baik Umat yang dikeluarkan untuk manusia",<sup>4</sup> serta menjadi sumber inspirasi, contoh dan kesejahteraan bagi semua,<sup>5</sup> kita perlu mengenalpasti ciri-ciri kecemerlangan bagi masyarakat Islam Singapura. Ciri-ciri ini dilahirkan sebagai hasil usaha mengharmonikan di antara prinsip, hukum,

sejarah dan tradisi Islam, dan konteks kehidupan masakini. Proses ini membolehkan kita mengenalpasti empat etos utama, sebagai dasar pembangunan masyarakat ke arah kecemerlangan dari sudut kehidupan sosio-keagamaan ; Ilmu, Akhlak, Sosial dan Model.

Berdasarkan keyakinan kita bahawa Umat Islam mampu menyahut cabaran kemodenan dan dapat menjadi contoh yang baik, maka terlahirlah Risalah ini sebagai usaha awal untuk menjawab persoalan bagaimana kita mampu hidup sebagai Muslim yang baik dan memiliki jatidiri serta keyakinan yang kukuh. Sepuluh ciri yang dibincangkan di dalam Risalah ini dilengkapi dengan contoh-contoh dan hujjah yang digarap dari kekayaan tamadun Islam. Ini sebagai mengukuhkan keyakinan kita bahawa penyesuaian terhadap pemahaman dan pengamalan agama adalah kritikal dan boleh dilakukan, dengan cara yang dapat menguatkan lagi penghayatan kita kepada ajaran Islam, serta meyakini kesesuaian agama itu buat setiap era dan keadaan.

## ETOS GAGASAN SEPULUH CIRI MASYARAKAT ISLAM CEMERLANG SINGAPURA

**10** ciri masyarakat Islam yang berilmu, berprinsip, progresif dan inklusif telah dicernakan bagi membentuk identiti masyarakat Islam dalam konteks Singapura.

Dengan menghayati sejarah dan tamadun Islam yang bersifat universal dan inklusif, umat Islam seharusnya mempunyai keyakinan diri dan tidak merasa kekok berinteraksi dan belajar daripada tamadun masyarakat lain. Dengan kekuatan penghayatan inilah masyarakat Islam dulu dan sekarang menghayati dinamika ajaran Islam. Mereka mampu memahami dan menghurai permasalahan semasa secara objektif dan rasional.

Islam bukanlah agama yang hanya menekankan ibadah ritual sahaja dan keimanan yang didasari taklid buta. Islam sebenarnya adalah agama yang sangat mementingkan ilmu dan keupayaan berfikir secara kreatif dan produktif. Syariatnya bersifat dinamik dan memiliki dua ciri yang unik, iaitu tetap dan anjal. Syariatnya didasari oleh ilmu dan rasional, bersifat terbuka dan sentiasa mementingkan maslahat manusia dan jagat raya. Apa sahaja jalan yang membawa kebaikan kepada manusia dan alam sekitaran ianya adalah sebahagian daripada syariat Islam selama mana ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsipnya.

Islam tidak pernah melihat dirinya asing daripada tamadun dan peradaban manusia sekelilingnya. Oleh kerana itulah dasar ilmu Islam amat bersifat terbuka kepada penemuan-penemuan sains moden. Bahkan umat Islam pernah menyumbang dan memperkembangkan sains moden ini. Atas dasar inilah Islam, ulama dan para cendikiawannya sejak dahulu lagi sentiasa bersedia untuk mengharungi perubahan hidup dan terus mengorak langkah mempengaruhi perubahan ini.

Dengan kekuatan ini juga umat Islam tidak pernah merasa canggung untuk berinteraksi dengan masyarakat lain, bahkan kebanyakan negara Islam adalah negara yang berbilang bangsa dan agama. Ini jelas tergambar di dalam Piagam Madinah yang dipimpin oleh Baginda Rasulullah S.A.W. Piagam pertama ini yang mengikat rakyat pelbagai kaum dan agama. Lebih dari itu, al-Quran adalah sebuah kitab suci yang unik menyebut dan berbicara mengenai masyarakat Islam dan agama lain.

Keterbukaan yang positif inilah yang telah melahirkan masyarakat Islam yang menyumbang kepada tamadun manusia, berbekalkan bukan hanya syariat dan ilmu yang dinamik, tetapi juga akhlak yang mulia dan etika yang menjadi contoh dan inspirasi masyarakat lain pada ketika itu - akhlak yang terpancar jelas daripada individu-individu Muslim yang memiliki jati diri yang hidup dan dihormati oleh semua.

Inilah etos di sebalik gagasan sepuluh ciri masyarakat Islam cemerlang Singapura yang diperincikan di dalam risalah ini. Ciri-ciri yang berasaskan nilai-nilai ajaran Islam yang menyeluruh dan mempunyai keaslian asas dan dasar syara' sendiri. Bagi memudahkan pemahaman dan penghayatan, setiap ciri yang akan dibentangkan bersama hujah dan dalilnya, serta contoh-contoh praktikal yang boleh diambil sebagai pedoman.





"ولكن وطنوا أنفسكم، إن أحسن الناس أحسنوا  
وإن أساءوا فأحسنوا"

"...Tetapi Hendaklah Kamu Teguhkan Pendirian Kamu.  
Sekiranya Orang Ramai Baik, Kamu Akan Jadi Baik. Dan  
Sekiranya Mereka Tidak Baik, Maka Perbaikilah Mereka."

*(Hadis riwayat At-Tirmizi)*



## Berpegang Teguh Pada Prinsip Islam Dan Dapat Menyesuaikan Diri Dengan Konteks Yang Berubah



### **Penerangan Umum**

Umat Islam dengan sifat-sifatnya yang unggul serta prinsipnya yang kukuh berupaya untuk menyesuaikan diri dalam setiap keadaan, masa dan tempat.

Ciri ini merupakan satu kekuatan yang ada pada umat Islam. Penyesuaian diri dalam sebuah masyarakat bukanlah bererti masyarakat Islam harus mengikuti arus perdana dan meninggalkan prinsipnya atau pegangan hidupnya. Penyesuaian diri ini adalah satu kemampuan untuk hidup bersama dengan masyarakat sekeliling serta membawa keamanan, kesejahteraan dan kebenaran berdasarkan prinsip sejagat. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah S.A.W :

"لا يكن أحدكم إمعنة، يقول أنا مع الناس إن أحسنوا أحسنت وإن أساءوا أسأت، ولكن وطنوا أنفسكم، إن أحسن الناس أحسنوا وإن أساءوا فأحسنتوا"

Ertinya: *"Janganlah salah seorang daripada kamu bersikap ikut-ikut seraya berkata: (Pendirian atau sikap) saya bergantung kepada orang ramai. Sekiranya orang ramai baik, saya akan jadi baik dan sekiranya mereka tidak baik, saya akan jadi tidak baik. Tetapi hendaklah kamu teguhkan pendirian kamu. Sekiranya orang ramai baik, kamu akan jadi baik. Dan sekiranya mereka tidak baik, maka kamu perbaikilah mereka"* <sup>6</sup>





## Bolehkah umat Islam berpegang teguh kepada prinsip dan dalam masa yang sama menyesuaikan diri dalam konteks yang berubah-ubah?

### [1] Ilmu Pengukuh Prinsip Islam

Jawapannya tentulah boleh jika mereka mempertingkatkan ilmu pengetahuan. Seandainya masyarakat Islam dapat menghayati rahsia wahyu pertama yang Allah S.W.T turunkan ke atas Nabi Muhammad S.A.W, di mana Allah S.W.T mengaitkan proses ilmu (dari lafaz 'Iqra') dengan asal kejadian manusia dari segumpal darah, nescaya masyarakat Islam akan terus berusaha gigih menggali sebanyak mungkin khazanah ilmu pengetahuan dan meneroka di segenap pelusuk dunia mencari rahsia ciptaan-ciptaan Allah S.W.T lantas merakamkannya dengan penuh hikmah dan cermat agar dapat menjadi panduan dan pedoman untuk umat manusia.

Wahyu pertama tersebut melambangkan peri pentingnya penghasilan, pengkajian dan penguasaan ilmu bagi masyarakat Islam. Kedudukan ilmu begitu tinggi di sisi Allah S.W.T. Hanya dengan ilmu pengetahuan, manusia mampu mengenali Tuhan. Hanya dengannya, manusia mampu memperoleh kebenaran dan hanya dengannya, manusia mampu memilih jalan mencari keredhaan-Nya. Allah berfirman:

{سَتَرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ }

Ertinya: “Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelaslah bagi mereka bahawa Al-Quran itu adalah benar. Dan apakah Tuhanmu tidak cukup (bagi kamu) bahawa sesungguhnya Dia menyaksikan segala sesuatu?”<sup>7</sup>

Sehubungan dengan itu, Allah S.W.T. meninggikan martabat mereka yang berilmu melalui firmanNya:

"يرفع الله الذين آمنوا منكم والذين أوتوا العلم درجات"

Maksudnya : *“Allah telah mengangkat orang-orang yang beriman dari golongan kamu, dan begitu pula orang-orang yang dikurniai ilmu pengetahuan beberapa darjat.”*<sup>8</sup>

Di dalam al-Quran banyak sekali ayat-ayat yang menganjurkan umat manusia untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan. Dr Solah Sultan mendatangkan dapatan-dapatan berikut bagi menjelaskan peri pentingnya ilmu menurut al-Quran<sup>9</sup>:

Blg	Isu	Disebut Dalam Al-Quran
1	Ilmu (العلم)	865
2	Peringatan (التذكير)	284
3	Pertanyaan (السؤال)	129
4	Akal (العقل)	49
5	Penghayatan (التدبير)	44

Memperolehi ilmu melalui konsep (النظر) memerhati, (الفكر) memikir, (السؤال) bertanya dan seterusnya yang dirakamkan di dalam al-Quran terbina atas dasar fakta-fakta berikut:

- Kebebasan berfikir.
- Menolak sangkaan/prasangka apabila memperoleh sesuatu yang meyakinkan.
- Menolak sentimen, emosi dan mengikut nafsu apabila berdepan dengan fakta ilmu.
- Berusaha mendatangkan bukti yang kukuh.

Berikut adalah beberapa nas al-Quran yang menjelaskan fakta-fakta di atas bagi renungan bersama:



### Kebebasan Berfikir

Allah berfirman:

{وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا أَوْلَوْا كَانِ آبَاؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ}

Ertinya: *Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Ikutlah apa yang telah diturunkan Allah” Mereka menjawab: “(Tidak), tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati dari (perbuatan) nenek moyang kami”. “Apakah mereka akan mengikuti juga), walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apa pun dan tidak memperoleh petunjuk?”<sup>10</sup>*



### Menolak Sangkaan

Allah berfirman:

{وَمَا يَتَّبِعْ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ}.

Ertinya: *“Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti kecuali perasangka sahaja. Sesungguhnya perasangkaan itu tidak sedikit pun berguna untuk mencapai kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan”.*<sup>11</sup>



### Menolak Sentimen

Allah berfirman:

{إِنَّ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنْ رَبِّهِمُ الْهُدَىٰ}

Ertinya: *“Itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan bapak-bapak kamu mengada-adakan; Allah tidak menurunkan suatu keterangan pun untuk (menyembahnya). Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan-sangkaan dan apa yang diingini oleh hawa nafsu mereka. Dan*

sesungguhnya telah datang petunjuk kepada mereka dari Tuhan mereka".<sup>12</sup>



### **Berusaha Mendatangkan Bukti Kukuh**

Allah berfirman:

{أولم يرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ}

Ertinya: “ Dan apakah orang-orang yang kafir tidak mengetahui bahawasanya langit dan bumi itu keduanya dahulu adalah sesuatu yang padu, kemudian Kami pisahkan antara keduanya. Dan dari air Kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tiada juga beriman?”

<sup>13</sup>

Begitulah ilmu mengikut kacamata ajaran Islam. Satu kewajiban, sesuatu yang boleh dibanggakan dan sesuatu yang boleh mengukuhkan prinsip dalam kehidupan masyarakat Islam.



### **Bagaimanakah kita memartabatkan ilmu?**



### **Meneruskan Proses Pencarian Ilmu**

Kedudukan ilmu yang tinggi di dalam kehidupan Muslim mesti dihayati. Menuntut ilmu merupakan satu ibadat yang begitu bernilai di sisi Tuhan. Oleh yang demikian, proses pencarian ilmu di dalam hidup Muslim mesti berterusan, tanpa mengenali jemu dan lelah. Di dalam bidang agama umpamanya, jika kita telah menguasai ilmu fardhu ‘ain, kita perlu meningkatkan pembelajaran agama dan mempelajari bidang-bidang lain; seperti ilmu tafsir, hadith, sejarah, bahasa Arab dan selanjutnya. Jika kita telah mempelajari cara membaca al-Quran, kita perlu mempelajari bagaimana memahami al-Quran dan mesej-mesej al-Quran.

Di dalam jurusan profesional, kita tidak seharusnya merasa cukup dengan kelulusan yang ada. Ilmu sentiasa berkembang dan juga berubah. Untuk menjadi umat cemerlang, kita mesti meneruskan pembelajaran dan mencapai kepakaran-kepakaran baru. Bahkan, adalah tanggungjawab kita untuk menghasilkan kepakaran dan ilmu yang terkini di kalangan masyarakat kita agar manfaatnya tersebar luas yang membawa manfaat buat semua. Kitalah yang seharusnya menghayati konsep belajar sepanjang hayat.



### **Membangun kepakaran di kalangan masyarakat**

Masyarakat perlu melabur untuk menghasilkan generasi masa depan yang berilmu dan dengan ilmu tersebut mereka mampu menabur jasa buat semua. Oleh itu, sokongan dari segi dorongan dan bantuan kewangan perlu dihulurkan untuk melahirkan pakar-pakar di dalam pelbagai bidang, terutama sekali di mana masyarakat Islam kurang berkecimpung di dalamnya.

Dengan fokus negara Singapura di dalam bidang sains kaji hayat dan kewangan umpamanya, masyarakat Islam perlu juga terus menghasilkan pakar-pakar di dalam bidang-bidang tersebut. Pada masa yang sama, masyarakat terus memerlukan pakar-pakar di dalam ilmu kedokteran, sains, hisab, kewangan, perniagaan, kemasyarakatan, kekeluargaan dan pentadbiran. Umat cemerlang akan berani menceburi bidang-bidang baru dan menjadi pelopor bagi bidang lain juga.



### **Menanam Minat Dan Cinta Kepada Ilmu**

Minat untuk mengetahui dan membaca perlu dipupuk sebagai budaya dan tradisi umat cemerlang. Ia perlu dijadikan amalan seharian kita, di tempat kerja, bersama keluarga di rumah dan di institusi keagamaan kita seperti di masjid dan di madrasah.



## Bolehkah umat Islam berpegang teguh kepada prinsip dan dalam masa yang sama menyesuaikan diri dalam konteks yang berubah-ubah?

---

### [2] Akidah Adalah Prinsip Islam

---

Ilmu pengetahuan adalah anak kunci kepada pengukuhan akidah dan iman. Untuk menjadi umat yang cemerlang, kita perlu mempunyai iman yang kuat di dalam hati sanubari kita. Iman yang menjadi penyaring bagi setiap yang mendatang di dalam kehidupan kita dan iman yang menjadi benteng yang teguh, lantas memberikan kita keyakinan untuk menghadapi segala bentuk cabaran.

Di dalam al-Quran Allah S.W.T telah merakamkan kisah Nabi Musa A.S. apabila berdepan dengan cabaran yang begitu hebat sekali. Cabaran di mana Baginda dan Bani Israil diekori oleh bala tentera Firaun dari belakang dan di hadapan mereka hanya terbentang lautan yang luas. Tiada peluang untuk berpatah balik dan tiada pula kelengkapan rapi untuk menyelungur lautan yang bergelora. Di saat itu, Bani Israil merasa yakin diri mereka sudah terperangkap, namun situasi tersebut tidak sedikitpun menggugat keimanan Nabi Musa A.S terhadap Allah S.W.T. Bahkan imannya meyakini bahawa Allah tetap bersamanya. Firman Allah:

{ فلما تراء الجمعان قال أصحاب موسى إنا لمدركون.

قال كلا إن معي ربي سيهدين }

Ertinya: "Maka setelah kedua golongan itu saling melihat, berkatalah pengikut-pengikut Musa: "Sesungguhnya kita benar-benar akan tersusul. Musa menjawab: "Sekali-kali tidak akan tersusul; sesungguhnya Tuhanku besertaku, kelak dia akan memberi petunjuk kepadaku".<sup>14</sup>

Iman yang kukuh meyakini Allah S.W.T akan memberi petunjuk dan jalan. Iman yang kukuh beserta ilmu pengetahuan yang mendalam mengajar masyarakat Islam berusaha mencari hidayah Allah S.W.T yang menjadi huraian dan penyelesaian terhadap cabaran yang mendatang.

Iman yang kukuh akan memberi kita keyakinan bahawa tiada halangan dan rintangan bagi masyarakat Islam untuk terus hidup dalam suasana negara yang sekular, masyarakat

majmuk dan dunia yang serba terbuka. Ini kerana kita meyakini bahawa di dalam pergaulan dan interaksi kita dalam suasana sedemikian, iman tidak akan dipergadaikan sama sekali, kerana ia adalah prinsip Islam.



### **Bagaimana pula kita melahirkan masyarakat Islam yang kukuh iman dan dalam masa yang sama mampu menyesuaikan diri dengan konteks yang berubah-ubah?**

Kita mampu melakukannya dengan menghayati konsep iman dan akidah yang ditunjukkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Iman yang menerangi jiwa manusia, iman yang membuka minda manusia, iman yang menyuntik perasaan manusia dan iman yang membakar semangat manusia untuk terus berusaha dan bekerja.

Di dalam al-Quran, Allah S.W.T menjelaskan kekuatan peranan iman dalam diri manusia. Di antara peranannya:

- Menjelaskan visi kehidupan.
- Membangun semangat ihsan (terbaik) dalam bekerja.
- Membendung keburukan.
- Sumber ketenangan.

Berikut pula adalah nas-nas al-Quran yang menjelaskan peranan iman di dalam kehidupan manusia:



### **Menjelaskan Visi Kehidupan**

Allah berfirman:

{إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ}

Ertinya: *“Sesungguhnya aku menghadapkan diriku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dengan cenderung kepada agama yang benar dan aku bukanlah termasuk orang-orang yang mempersekutukan Tuhan.”*<sup>15</sup>



## Membangun Semangat Ihsan

Firman Allah:

{بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ}

Ertinya: “*Bahkan barangsiapa yang menyerahkan diri kepada Allah, sedang dia berbuat kebajikan (ihsan), maka baginya pahala pada sisi Tuhannya dan tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.*”<sup>16</sup>



## Membendung Keburukan

Allah berfirman:

{وَقَالَتْ هَيْبَتٌ لَكَ قَالَ مَعَاذَ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مَثْوَايَ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ}

Ertinya: “(Berkata Zulaikha): “*Marilah ke sini.*” Yusuf berkata: “*Aku berlindung kepada Allah, sesungguhnya tuanku telah memperlakukan aku dengan baik.*” *Sesungguhnya orang-orang yang zalim tiada akan beruntung.*”<sup>17</sup>



## Sumber Ketenangan

Allah berfirman:

{هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزْدَادُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ}

Ertinya: “*Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang yang beriman supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka (yang telah sedia ada).*”<sup>18</sup>



## Bagaimana memupuk iman yang kukuh?

Dr Yusuf al-Qaradawi mengetengahkan pandangannya mengenai pendekatan terkini dalam memperkukuhkan keimanan masyarakat melalui pembelajaran akidah, di mana teknik pembelajarannya harus menjangkau jauh



lebih daripada tertumpu kepada teknik Talqin atau teknik menghafal. Matapelajaran akidah seharusnya menggerakkan minda manusia untuk berfikir, matanya untuk melihat dan merenung tanda-tanda kebesaran Allah, hatinya memahami dan meyakini keagungan Ilahi dan fizikalnya bekerja dan berusaha melakukan amal kebajikan untuk kemakmuran dunia dan kesejahteraan akhirat. Pendekatan tersebut adalah seperti berikut: <sup>19</sup>

- Mengajar akidah mengikut pendekatan al-Quran.
- Menghimpunkan pembelajaran akidah melalui gabungan dalil naqli dan aqli.
- Mengambil faedah daripada teknik-teknik yang terkandung di dalam al-Quran untuk berhujjah dan berbahas serta mengembangkan teknik-teknik tersebut.
- Memanfaatkan ilmu sains masakini atau dapatan-dapatan ilmiah terkini dalam mengajar akidah.
- Mendasarkan pembelajaran akidah atas keyakinan bukan sangkaan.
- Pembelajaran akidah perlu mengerakkan hati untuk merenung dan akal untuk berfikir.
- Pembelajaran akidah harus mengajak kepada perpaduan dan kerjasama bukan kepada perpecahan dan permusuhan.

Pendekatan di atas amat sesuai dengan konteks kita masakini. Pendekatan sedemikian harus diterjemahkan di dalam kurikulum pendidikan tauhid atau asas agama bagi masyarakat Islam. Lebih-lebih lagi dalam suasana kita hari ini, di mana ilmu sains dan teknologi berkembang begitu pesat sekali. Kebanyakan dapatan kajian-kajian ilmiah masakini dalam pelbagai bidang dan penemuan-penemuan baru yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh ilmuan timur dan barat tidak bercanggah langsung dengan isi kandung al-Quran. Bahkan dapatan dan penemuan tersebut membenarkan al-Quran. Sungguh benar apa yang difirmankan oleh Allah:

﴿سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَبَيِّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ﴾

Ertinya: “Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelaslah bagi mereka bahawa Al-Quran itu adalah benar. Dan apakah Tuhanmu tidak cukup (bagi kamu) bahawa sesungguhnya Dia menyaksikan segala sesuatu?”<sup>20</sup>

Begitulah iman dan begitulah akidah. Iman dan akidah tidak boleh diwarisi. Kedua-duanya merupakan pemilihan individu sendiri berdasarkan ilmu pengetahuan dan keyakinan. Sehubungan dengan itu, pendekatan dalam menyampaikan ilmu akidah bahkan ilmu-ilmu agama lain harus dikemaskinikan, agar kita dapat memperkasakan individu dan masyarakat Islam dengan kefahaman Islam yang mendalam, luas dan menyeluruh.

**D**i dalam al-Quran, Allah S.W.T menceritakan kisah Nabi Ibrahim yang melayari kehidupannya dalam mencari kebenaran Ilahi dengan terus memerhati (التنظر), memikir secara kritikal (التفكير) dan bertanya (السؤال) serta melakukan kajian, sehingga akhirnya beliau bertemu dengan kebenaran. Bahkan kebenaran tersebut mengukuhkan keyakinan dalam dirinya terhadap kebesaran Allah S.W.T. Firman Allah:

﴿وكذلك نرى إبراهيم ملكوت السماوات والأرض وليكون من الموقنين. فلما جن عليه الليل رأى كوكبا قال هذا ربي فلما أفل قال لا أحب الإفلين. فلما رأى القمر بازغا قال هذا ربي فلما أفل قال لنن لم يهتدي ربي لأكونن من القوم الضالين. فلما رأى الشمس بازغة قال هذا ربي هذا أكبر فلما أفلت قال يا قوم إني برئ مما تشركون. إني وجهت وجهي للذي فطر السماوات والأرض حنيقا وما أنا من المشركين﴾

Ertinya: “Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Ibrahim tanda-tanda keagungan (Kami yang terdapat) di langit dan di bumi, dan (Kami memperlihatkannya) agar Ibrahim itu termasuk orang-orang yang yakin. Ketika malam telah menjadi gelap, dia melihat sebuah bintang (lalu) dia berkata: “Inilah Tuhanku”. Tetapi takala bintang itu tenggelam dia berkata: “Saya tidak suka kepada yang tenggelam”. Kemudian takala melihat bulan terbit dia berkata: “Inilah Tuhanku”. Tetapi setelah bulan itu terbenam dia berkata: “Sesungguhnya jika Tuhanku tidak memberi petunjuk kepadaku, pastilah aku termasuk orang-orang yang sesat. Kemudian takala dia melihat matahari terbit, dia berkata: “Inilah Tuhanku, ini yang lebih besar”. Maka takala matahari itu telah terbenam, dia berkata: “Hai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutukan. Sesungguhnya aku menghadapkan diriku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dengan cenderung kepada agama yang benar, dan aku bukanlah termasuk orang-orang yang mempersekutukan Tuhan.”<sup>21</sup>

Firman Allah di lain ayat:

{وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ تُحْيِي الْمَوْتَى. قَالَ أُولِمُ تُوْمِنَ قَالَ بَلَىٰ وَلَكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي. قَالَ فَخَذْنَا مِنْهُ أَرْبَعَةً مِنَ الطَّيْرِ فَصَرَّهِنَّ إِلَيْكَ ثُمَّ جَعَلْنَا عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِنْهُمْ جُزْءًا ثُمَّ ادْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ سَعْيًا وَاعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ}

Ertinya: “Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata: “Ya Tuhanku, perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan orang mati”. Allah berfirman: “Belum yakinkah kamu?”. Ibrahim menjawab: “Aku telah meyakinkannya, akan tetapi agar hatiku tetap mantap (dengan imanku)”. Allah berfirman: “(Kalau demikian) ambillah empat ekor burung, lalu cincanglah semuanya olehmu. (Allah berfirman): “Lalu letakkan di atas tiap-tiap satu bukit satu bahagian-bahagian itu, kemudian panggillah mereka, nescaya mereka datang kepadamu dengan segera”. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.<sup>22</sup>



### **Tokoh: Ibn al-Nafis & Bidang Kedokteran**

Antara cendekiawan dan ulama Islam yang gigih ingin melihat dirinya menyumbang kepada pembangunan ummah menurut keperluan semasa ialah ‘Ala’ al-Din ‘Ali bin ‘Abi al-Hazm bin al-Nafis al-Qarasyi (1210M – 1288M), seorang genius perubatan yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Nafis.

Walaupun telah diterima masyarakat kampungnya ‘al-Qarasyiyah’ sebagai ‘alim dan pemimpin agama sepulangannya setelah tamat pengajian tinggi dalam bidang Fiqh, Hadis dan Bahasa Arab di Himsh, Syria, beliau kemudian memutuskan untuk terus merantau menuntut ilmu bidang yang sama sekali baru baginya, iaitu bidang perubatan. Ayahnya amat terkejut dan pada awalnya menentang keputusannya. Beliau lalu berkata kepada ayahnya: “Sudah terdapat ramai ulama Fiqh dan Bahasa Arab pada zaman kita ini, sedangkan jumlah doktor dan

pakar perubatan amat kurang di dunia Arab dan Islam. Saya berminat untuk mempelajari bidang perubatan untuk mengetahui rahsia Kekuasaan dan Kebesaran Allah pada jasad manusia dan dengan ilmu, buah fikiran dan cinta saya terhadap bidang perubatan, saya harap dapat menyumbang kepada hamba-hamba Allah yang sakit".<sup>23</sup>

Dengan restu ayahnya, beliau bukan hanya telah berjaya memperdalam bidang perubatan di Hospital al-Nuri, Damsyik, bahkan beliau juga telah dengan jayanya menempatkan dirinya sebagai genius dalam bidang tersebut melalui beberapa teori dan penemuan saintifiknya.

Atas nasihat mentornya, Prof al-Dikhwar (Pegawai Hospital al-Nuri), beliau bukan setakat merawat pesakit tetapi juga berkecimpung dalam bidang kajian dan penulisan. Antara lain beliau telah mengkaji dan menulis kritik terhadap perubatan Yunani yang dipelopori oleh Gallinus dan Epicurus. Beliau juga memperdalam dan mensyarahkan kitab perubatan "al-Qanun" oleh Ibnu Sina. Antara bab istimewa dalam buku tersebut yang beliau kembangkan ialah Bab Anatomi sehingga lahirnya 'masterpiece' beliau dalam bidang itu berjudul "Syarh Tasyrih Ibnu Sina" (Perincian Anatomi Ibnu Sina), di mana beliau telah memperincikan anatomi tubuh manusia sehingga ramai pakar perubatan berpendapat bahawa beliau sendiri mesti pernah melakukan autopsi mayat<sup>24</sup> - satu perbuatan yang masih dianggap kontroversi pada zaman beliau. Namun, oleh kerana beliau adalah seorang yang ahli dalam Fiqh, beliau berani membuat pandangan tentang keharusan autopsi untuk tujuan perubatan.

Melalui kajian mendalam bidang anatomi inilah, Ibn al-Nafis telah mengejutkan dunia perubatan zamannya dengan penemuannya terhadap perjalanan pusingan darah dalam tubuh manusia seperti mana yang diketahui oleh perubatan moden hari ini.<sup>25</sup> Beliau telah mendahului William Harvey lebih empat kurun dalam penemuan ini.



## Aplikasi:



### Pendekatan ilmu Fiqh masakini

Pembelajaran terhadap ilmu fiqh juga perlu diubah pendekatannya. Fiqh bukan hanya setakat mengeluarkan hukum wajib, haram, sunnah, harus dan makruh sahaja. Akan tetapi perlu juga diberi penekanan terhadap peranan ilmu Fiqh dalam membangun minda masyarakat Islam. Begitu juga penekanan terhadap fungsi ilmu Fiqh dalam menyusun dan mengatur kehidupan mereka. Ini kerana etos pembelajaran ilmu Fiqh adalah untuk:

- Mengukuhkan hubungan individu Muslim dengan Penciptanya (hablun Minallah).
- Mengatur sistem kehidupan seharian individu Muslim dengan dirinya sendiri.
- Mengukuh hubungan individu Muslim dengan keluarga.
- Mengeratkan hubungan individu Muslim dengan masyarakat (Hablun Minannas).
- Memperkukuhkan tali silatur rahmi antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain.
- Menggariskan hubungan individu dan masyarakat dengan negara.
- Memupuk persefahaman antara satu negara dengan negara yang lain.

Itulah ilmu Fiqh dalam erti kata yang sebenar. Tumpuan diberi kepada proses pemahaman, pemikiran dan penganalisaan terhadap sesuatu isu sama ada bersifat individu mahu pun bersifat umum, sama ada ianya membawa kesan langsung jangka pendek mahu pun kesan jangka panjang dan sama ada isu tersebut membawa kebaikan (*maslahah*) atau pun keburukan (*mafsadah*).



### Contoh isu Fiqh masakini yang sering disalahfahamkan

Tanpa penghayatan tersebut, kita akan dapati kegagalan masyarakat Islam untuk menghayati sebahagian prinsip Islam yang bersifat dinamik semata-mata kerana sentimen dan emosi, bukan berdasarkan prinsip sebenarnya ajaran Islam. Sebagai contoh, masih ramai Muslim yang enggan atau merasa kekok untuk memberi ucap selamat sempena perayaan agama lain. Pada hal dalam konteks dunia yang semakin mengecil hari ini, secara prinsip hal yang demikian adalah dibolehkan apatah lagi apabila masyarakat Islam hidup bersama-sama masyarakat dan kelompok agama lain. Adalah sesuatu yang amat janggal apabila orang bukan Islam dengan penuh mesra boleh mengucapkan selamat kepada Muslim dalam hari kebesaran mereka, sedang orang Islam pula dilihat begitu dingin pada hari-hari kebesaran orang bukan Islam. Dalam kehidupan masyarakat majmuk, hal ini boleh menjejaskan imej murni Islam sendiri.

Para Ulama kontemporari berpendirian bahawa ucapan selamat sebegini bukan hanya dibolehkan, bahkan digalakkan dalam konteks masyarakat majmuk. Ucapan ini telah menjadi budaya ucapan masyarakat sempena hari kebesaran yang tiada kaitannya dengan pengiktirafan satu-satu agama atau pemujaan yang boleh menggugurkan akidah seorang Muslim. Bahkan keterbukaan ini akan lebih menjelaskan imej Islam sebagai agama fitrah yang senantiasa mengaitkan dirinya dengan manusia seluruhnya dengan sifatnya sebagai agama rahmat untuk semua.

Antara ulama yang membolehkan perbuatan sedemikian ialah seperti Sheikh Faisal al-Mawlawi<sup>26</sup> dan Sheikh Mustafa al-Zarqa<sup>27</sup> membuat penjelasan bahawa memberikan ucap selamat tidak bermakna masyarakat Islam mengiktiraf kebatilan iktikad mereka. Ucapan sedemikian tidak lari daripada dua keadaan berikut :

- Sama ada sebagai merealisasikan konsep ihsan dan memaparkan kecantikan Islam, atau
- Membalas ucapan tahniah mereka dengan sebaik-baiknya. Lebih-lebih lagi jika orang bukan Islam sering

mengucapkan tahniah kepada orang Islam sempena hari kebesaran Islam.

Dalam kedua-dua hal di atas, mengikut pandangan mereka, ianya termasuk di dalam firman Allah yang menganjurkan orang yang beriman agar berlaku ihsan dan berlaku adil kepada orang bukan Islam, firman Allah :

" لا ينهاكم الله عن الذين لم يقاتلوكم في الدين ولم يخرجوكم من دياركم أن تبرؤهم وتقسطوا إليهم إن الله يحب المقسطين "

Ertinya: *"Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangi kamu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."* <sup>28</sup>

Dan termasuk di dalam firman Allah yang menganjurkan kepada membalas ucapan dengan cara yang lebih baik, firman Allah :

" وإذا حييتم بتحيةة فحيوا بأحسن منها أو ردوها إن الله كان على كل شيء حسيبا "

Ertinya: *"Apabila kamu dihormati dengan suatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik atau balaslah dengan yang serupa. Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu."* <sup>29</sup>

Kedua-dua ayat tersebut menyatakan perintah umum yang mencakup pelbagai aspek interaksi antara Muslim dan bukan Muslim. Para mufassir seperti Imam Ibn Kathir<sup>30</sup>, Imam al-Tabari<sup>31</sup>, Imam Ibn al-'Arabi<sup>32</sup>, Imam Nasafi<sup>33</sup> dan Imam al-Qurtubi<sup>34</sup> memberikan pelbagai pandangan dalam hal ini di antaranya ialah:

- Ayat 8 surah Al-Mumtahanah merupakan ayat yang relevan masih kekal tidak dimansuhkan dengan ayat (*qital*) peperangan;
- Allah tidak melarang perbuatan ihsan kepada orang kafir daripada kalangan wanita dan mereka yang tidak berpengaruh, selama mana mereka tidak memerangi

dan tidak bekerjasama dalam mengusir orang yang beriman dari negeri mereka;

- Menyahut ucapan salam dengan cara yang terbaik dari orang bukan Islam dibolehkan. Sebahagian mufassir seperti Imam Ibn Kathir ada menukil satu peristiwa berlaku ke atas Ibn Abbas di mana seorang lelaki Majusi memberi ucapan salam ke atasnya dan beliau menjawab: Wa'alaikumus salam warahmatullah. Teman Ibn Abbas menyangkal perbuatan beliau seraya berkata: Anda menjawab salamnya dengan warahmatullah? Ibn Abbas menjawab : Bukankah dengan rahmat Allah juga dia masih hidup bernyawa!<sup>35</sup>

Sehubungan dengan ini, adalah sesuai bagi masyarakat Islam seperti di Singapura untuk memilih pendapat Ulama yang membolehkan perbuatan tersebut. Di samping ianya menepati roh Syariat Islam dalam bergaul dengan masyarakat bukan Islam secara baik dan harmoni, ianya juga merealisasikan maslahat agama dan dunia yang menjadi salah satu penekanan Syariat Islam. Bahkan perbuatan memberikan ucap selamat bersempena hari perayaan bukan Islam dapat memberikan imej yang baik bagi orang Islam, jika ianya dapat memupuk hubungan yang baik di antara masyarakat Islam dan bukan Islam, tidak kira sama ada ikatan tersebut terjalin menerusi kekeluargaan, persahabatan, jiran tetangga atau lebih luas lagi iaitu ikatan masyarakat majmuk yang hidup di bawah satu negara secara aman dan damai. Keadaan ini lebih bermanfaat dari segi dakwah dalam situasi hubungan antara mereka yang baru memeluk agama Islam dengan keluarga mereka yang masih berpegang dengan agama asal mereka.






### Rumusan:

- Dengan akidah yang didasari ilmu yang merangkumi dua konsep pembacaan : (i) wahyu dan (ii) alam, umat Islam berupaya menghadapi perubahan dalam setiap situasi dan masa.
- Dengan menghayati aspek dinamik Syariat Islam melalui pemahaman dan penghayatan metodologi serta kelengkapan ilmu asas bagi proses mengambil keputusan. Umat Islam mampu menyesuaikan diri dan mempengaruhi masyarakat sekelilingnya tanpa mengadai prinsip.

$$\boxed{\text{ILMU}} + \boxed{\text{IMAN}} = \boxed{\text{PRINSIP}}$$







“Dalam Membangun Sesebuah Tamadun, Ilmu Barulah  
Yang Membuka Laluan Yang Kekal”

(W.R. Whitney)



## Menghayati Tamadun Dan Sejarah Islam Dan Berupaya Memahami Isu-Isu Semasa



### Penerangan Umum

Masyarakat Islam yang cemerlang perlu memiliki pengetahuan dan pendedahan tentang sejarah umat Islam. Kita tidak dapat memisahkan diri dari memahami dan mengambil iktibar daripada sejarah Rasulullah S.A.W, para sahabatnya, para auliya' dan ulama' terdahulu.



### Bagaimana Masyarakat Islam Dapat Mempelajari Tamadun?



### Pembelajaran Reflektif Warisan Tamadun dan Sejarah Islam

Pembelajaran terhadap sirah atau sejarah Islam dalam masyarakat Islam hari ini perlu diubah pendekatannya. Sirah bukan setakat diajar dari sudut politik, sejarah peperangan atau urutan peristiwa semata. Sebaliknya, ia perlu dilihat sebagai sesuatu yang menyeluruh merangkumi falsafah kehidupan dan tamadun manusia. Sirah juga tidak hanya dijadikan ibarat bahan artifak tontonan sahaja. Bahkan ianya adalah nadi penggerak ke arah kemajuan, kemakmuran dan keluhuran budi pekerti.

Setiap detik sejarah adalah merupakan pengalaman-pengalaman yang amat bernilai untuk dijadikan sama ada pelajaran dan panduan untuk terus dikembangkan, atau sempadan untuk dijadikan pengajaran dan tidak diulang lagi.



## Pemikiran kreatif dan kritikal warisan tamadun Islam

Di dalam bidang syariat khususnya, ulama dan pendakwah hendaklah tidak hanya menitikberatkan soal produk hukum, sama ada ianya halal atau haram dalam pendidikan awam mereka, tetapi juga membekalkan masyarakat dengan pemahaman dan penghayatan metodologi dan kelengkapan ilmu asas bagi proses pencernaan hukum. Fiqh tradisi Islam atau dikenali sebagai turath, perlu dikaji dengan lensa menyeluruh yang memerhatikan konteks dan latarbelakang intelektual seseorang cendekiawan, sama seperti pemerhatian terhadap pendapat yang diutarakannya. Ini kerana agar hukum atau pandangan yang diberi dapat dinilai bersesuaian dengan konteks kehidupan kontemporari dan bukan hanya diikuti dengan cara yang tidak mencapai objektif syariat Islam pada masakini. Langkah ini akan lebih memperkasa masyarakat Islam dalam mencari huraian-huraian alternatif lagi kreatif bagi menghadapi isu-isu semasa yang semakin hari semakin kompleks. Terutama dalam berhadapan dengan isu-isu semasa yang memerlukan kematangan di semua peringkat untuk memberi penyelesaian spontan berpandukan neraca *Fiqh al-Muwazanat* (memahami keseimbangan), *Fiqh al-Awlawiyyat* (memahami keutamaan), *Fiqh al-Waqi'* (memahami realiti), *Fiqh al-Sunan* (memahami fitrah – sebab-musabab), *Fiqh al-Ikhtilaf* (memahami adab perbezaan pendapat) *Fiqh al-Nas* (memahami nas) dan *Fiqh al-Maqasid* (memahami objektif Syara').



## Mereka menghurai masalah zaman mereka

Di samping itu, masyarakat Islam juga perlu memahami tamadun Islam dan tahap kemajuan fikiran (intelektual) yang telah dicapai oleh umat Islam sebelum ini. Mereka harus mencontohi tahap kefahaman dan meniru keupayaan berfikir para cendekiawan Islam. Ini kerana para cendekiawan Islam silam mampu menyelesaikan isu-isu semasa yang mereka hadapi pada zaman mereka, maka sudah tiba masanya masyarakat Islam hari ini berupaya memahami isu-isu semasa hari ini dan menyelesaikannya agar menjadi panduan dan teladan generasi Islam akan datang. Dengan kefahaman dan penghayatan ini, masyarakat Islam perlu berusaha gigih memberikan sumbangan yang bermakna sebagai mana umat terdahulu demi bekalan bukan hanya

untuk menghadapi permasalahan hari ini, tetapi juga sebagai warisan bagi generasi hari muka.

Masyarakat Islam perlu peka dengan perkembangan isu semasa dan mampu menghubungkaitkannya dengan dimensi sejarah dan tamadun Islam. Semangat untuk mencari jalan baru untuk menyelesaikan permasalahan semasa inilah yang harus mereka pelajari dari warisan tamadun Islam. Semangat inilah yang menempatkan masyarakat Islam dalam sejarah kegemilangan ilmu/sains moden dan menerajui tamadun manusia. Mereka bukan sahaja menjadi rujukan bahkan disegani dan dihormati oleh semua. Allah berfirman :

"يرفع الله الذين آمنوا منكم والذين أوتوا العلم درجات"

Maksudnya : *"Allah telah mengangkat orang-orang yang beriman dari golongan kamu, dan begitu pula orang-orang yang dikurniai ilmu pengetahuan beberapa darjat."*<sup>36</sup>

Inilah hakikat penghayatan terhadap tamadun Islam. Tamadun yang sekiranya diteliti secara istiqra' wahyu-wahyu Allah melalui dalil al-Quran, akan tergambar dengan sejelas-jelasnya matlamat akhir rahsia Allah di sebalik penciptaan manusia. Dalam hal ini, Dr Taha Jabir al-'Ulwani di dalam bukunya "Madkhal fi Fiqh al-Aqlliyat" merumuskan 3 matlamat di atas iaitu<sup>37</sup>:

- Al-Tawhid – pengukuhan akidah terhadap Allah
- Al-Tazkiah – proses penyucian minda, rohani dan fizikal manusia
- Al-'Umran – memakmurkan alam (al-Kaun).

Mengenai isu tanah rampasan ; di zaman Rasulullah S.A.W, Baginda membahagikan tanah rampasan kepada para pejuang-pejuang Islam. Setelah bumi *Khaibar* dibuka oleh para sahabat, Baginda membahagikan bumi tersebut secara adil dan saksama kepada sahabat-sahabatnya. Hal ini juga berlaku di zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq R.A.

Di zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab R.A, dalam isu yang sama, beliau telah merubah keputusan tersebut. Keputusan yang diambil oleh beliau adalah, hak milik bumi tersebut dikekalkan kepada para penduduk asal. Namun para penduduk tersebut wajib mengeluarkan « *al-Kharaj* » cukai kepada pemerintahan Islam. Kemudian pemerintahan Islam akan menyalurkan keuntungan tersebut kepada para pejuang. Keputusan tersebut dibuat demi meraikan faktor-faktor berikut :

- Perubahan konteks yang berlaku di zaman beliau, di mana bumi Islam semakin meluas.
- Para pejuang tidak berselisih sehingga boleh menyebabkan pertumpahan darah di antara satu sama lain kerana tanah-tanah tersebut.
- Dibiarkan tanah tersebut kepada penduduk asal untuk disuburkan dan dibangunkan adalah lebih daripada menyerahkan kepada para pejuang yang pastinya tanah-tanah tersebut akan terbiar dan terbenggalai.

Peristiwa di atas melambangkan keteguhan Khalifah Umar R.A berpegang kepada prinsip dan warisan tamadun yang ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W dan Khalifah Abu Bakar R.A. Namun dalam masa yang sama beliau merubah keputusan yang dibuat oleh Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar R.A, kerana perubahan suasana dan keadaan di zaman beliau dan berusaha mencari huraiian semasa.<sup>38</sup>



### Tokoh : Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi & Ekonomi Islam

Di antara segelintir tokoh ilmuan kontemporari yang dikenali dan diiktiraf sumbangannya di peringkat antarabangsa ialah Dr Yusuf al-Qaradawi<sup>39</sup>. Antara sumbangan kreatif beliau ialah inovasi konsep kontemporari dalam memahami fiqh al-Sunan, fiqh al-Maqasid, fiqh al-Awlawiyyat, fiqh al-Muwazanat, pertimbangan di antara ciri-ciri syara' yang tetap dan yang anjal, berpegang kepada tradisi yang membawa manfaat dan bersedia menerima pembaharuan, dan menghayati kehidupan hari ini serta memandang positif pada hari esok.

Keperhatinan beliau dalam bidang ekonomi Islam pada masa depan amat serius sekali. Hal ini dapat dilihat melalui ucapan beliau :

"إن اهتمامي بالاقتصاد الإسلامي جزء من اهتمامي بالشريعة الإسلامية، والدعوة إلى تحكيمها في جميع مجالات الحياة، وإحلال أحكامها محل القوانين الوضعية والأنظمة المستوردة"

*"Sesungguhnya keperihatinan saya terhadap ekonomi Islam adalah sebahagian daripada keperihatinan saya terhadap syariat Islam dan seruan ke arah perlaksanaannya dalam segenap lapangan hidup serta menggantikan undang-undang sivil dan sistem-sistem yang diimport yang sedia ada."*<sup>40</sup>

Di dalam buku-buku karangan beliau yang menjurus ke arah ekonomi Islam, beliau bukan hanya memaparkan konsep ekonomi Islam secara teori sahaja. Bahkan diperkukuhkan dengan cara pelaksanaan konsep tersebut secara amali mengikut konteks masakini. Maklumat ini dapat dilihat di dalam kandungan kitab-kitabnya seperti *"Fiqh al-Zakat"*, *"Isu kefakiran: Bagaimana Islam mengatasinya"*, *"Jual beli secara Murabahah"* dan lain-lain lagi.





## Aplikasi



### Program Menyelongkar Khazanah Ilmu

Lembaran sejarah membuktikan bahawa umat Islam telah memberi sumbangan yang begitu besar terhadap peradaban dan tamadun manusia. Dengan berteraskan akidah di mana manusia bebas hidup tanpa ada sesuatu yang ditakutinya kecuali Allah. akidah ini juga menjadi aspirasi bagi manusia untuk bekerja secara ikhlas dan jujur. Oleh kerana risalah Islam merupakan risalah universal dan tidak terbatas kepada sesuatu bangsa, kaum, keturunan dan geografi di samping syariatnya bersifat dinamik dan unik telah menyebabkan agama Islam dapat diterima oleh semua bangsa di dunia. Inilah antara sebab mengapa agama dan tamadun Islam berkembang di seluruh dunia.

Namun, kecemerlangan ilmu dan tamadun tinggi yang pernah dimiliki oleh umat Islam di masa silam itu telah melalui zaman semakin pupus ditelan zaman dan hampir-hampir dilupakan.

Oleh itu, MUIS dengan beberapa buah masjid Singapura sedang berusaha mempertingkatkan pembelajaran Islam (*Islamic Learning*) melalui platform kuliah-kuliah masjid. Program interaktif yang diberi nama “*Menyelongkar Khazanah Ilmu*” anjuran Masjid Alkaff Kampong Melayu adalah usaha awal menghubungkan sejarah tamadun Islam dengan isu-isu kontemporari kepada masyarakat.

Antara buku-buku yang dikupas:

- Wawasan Al-Quran (Prof. Dr Quraisy Shihab)
- Kewajipan Menguasai Enam Jenis Fiqh Bagi Pendakwah Islam Di Alam Baru (Dr. Yusuf Al-Qardhawi)
- Kewajipan Memahami Bukan Islam Tentang Islam (Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili)

- Kesederhanaan dalam Islam (Pergas)

Semoga program ini dapat mendekatkan masyarakat dengan perbahasan terkini para ulama kontemporari dan mengajak masyarakat mencari huraian terhadap permasalahan semasa serta membangun masyarakat dengan menggarap kepelbagaian kaedah dan prinsip Islam yang dapat membangun peradaban masyarakat Islam hari ini. Program-program sebeginilah yang perlu diperbanyakkan dan dianjurkan oleh beberapa masjid.



### **Biasiswa Pendidikan**

Bagi melahirkan kepakaran dalam bidang ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat Islam Singapura, MUIS telah melancarkan biasiswa peringkat sarjana pada 1 Februari 2005.

Sejak dilancarkan, MUIS telah menganugerahkan biasiswa kepada 4 orang cendekiawan Melayu Islam dalam bidang-bidang berikut:

- PhD dalam bidang Sociologi, University of Bielefeld (German)
- PhD dalam bidang Biomedical Ethics, Otago University (New Zealand)
- Master dalam bidang Ekonomi Islam & Kewangan, Durham University (UK)
- Master dalam bidang Undang-undang (Corporate & Securities Law), Columbia University (USA)

Galakkan berterusan kepada masyarakat dalam penghayatan ilmu sebegini perlu didokong oleh semua pihak. Ia adalah penyelesaian jangka panjang bagi permasalahan yang dihadapi oleh umat.




## Rumusan

- Masyarakat Islam perlu memahami dan meneruskan warisan keunggulan tamadun dan pemikiran cendekiawan silam, untuk dijadikan bukan hanya panduan tetapi juga pencetus semangat menyumbang bukan setakat mengguna.
- Jika masyarakat Islam terdahulu telah meninggalkan kekayaan warisan yang sangat bernilai untuk dunia hari ini, masyarakat Islam hari ini seharusnya mampu mewariskan sumbangan yang sekurang-kurangnya serupa untuk generasi hari muka.
- Masyarakat Islam adalah manusia hari ini yang mempunyai jalinan kukuh (well--anchored) dengan akar warisan tradisi dan pencipta sejarah hari muka.







“Tamadun Adalah Satu Gerakan Dan Bukan Satu Keadaan,  
Satu Pelayaran Dan Bukan Satu Perlabuhan”

(Arnold Joseph Toynbee)



## Menghargai Lain-Lain Tamadun Dan Yakin Diri Untuk Berinteraksi Serta Belajar Dari Masyarakat Lain



### Penerangan Umum

Kepelbagaian ciptaan manusia merupakan Sunnatullah yang menjadi ketentuan Allah. Dengan kepelbagaian tersebut wujudlah umat manusia yang berlaianan kepercayaan, bangsa, warna, bahasa dan tamadun. Allah berfirman:

{ولو شاء ربك لجعل الناس أمة واحدة ولا يزالون مختلفين إلا من رحم ربك ولذلك خلقهم}

Ertinya: *"Jika Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat. Kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka."*<sup>41</sup>

Agama Islam melihat kepelbagaian latarbelakang manusia ini sebagai satu yang positif dengan menggalakkan mereka untuk saling kenal-mengenal. Dalam hal ini Allah berfirman:

"يا أيها الناس إنا خلقناكم من ذكر وأنثى وجعلناكم شعوبا وقبائل لتعارفوا"

Ertinya : *"Wahai manusia sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan. Dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal."*<sup>42</sup>

Sehubungan dengan itu, menghargai pelbagai tamadun dalam perspektif Islam adalah satu usaha yang positif. Ini kerana tamadun mengikut kaca mata Islam adalah melambangkan satu kemajuan, kehalusan budi pekerti dan sopan santun.

Berinteraksi dan belajar daripada lain-lain tamadun memberi masyarakat Islam satu keyakinan diri untuk terus berkembang dan bergerak ke arah kemajuan dan kemakmuran. Ini kerana melalui interaksi yang membina akan wujud persefahaman dan melaluinya akan terhasil kerjasama yang bakal memberi keuntungan kepada setiap anggota masyarakat. Selanjutnya perhubungan interaksi antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain akan lebih mudah dan lebih tulus dengan didasari atas asas keadilan dan nilai sejagat.

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun Islam telah berhubung dan berinteraksi secara langsung dengan tamadun-tamadun lain dengan baiknya iaitu apabila Islam tersebar luas ke pelusuk dunia.

Walaupun tamadun Islam berinteraksi dengan lain-lain tamadun dalam sejarah, ianya tidak secara mutlak menolak lain-lain tamadun dan tidak pula menerimanya secara keseluruhan. Bahkan interaksi tersebut membantu masyarakat Islam terus bergerak membina kemajuan tamadun Islam di atas tamadun-tamadun tersebut. Masyarakat Islam telah dengan jayanya mengharmonikan kedua-dua jenis tamadun ini, membuat penilaian kritikal dan penambahan serta peningkatan demi melahirkan tamadun moden yang menjadi asas perkembangan tamadun dunia hari ini.

Pertembungan di antara kepercayaan mendorong manusia kembali kepada fitrah. Kemajuan pesat ilmu pengetahuan mengajak manusia kepada keimanan. Keimanan yang mendorong manusia untuk tekun berusaha. Kemajuan duniawi tidak memisahkan manusia daripada perihal ukhrawi. Gandingan kekuatan jasmani dan rohani adalah pembela dan pendokong kebenaran. Kekayaan harta pula hendaklah bersumberkan yang halal dan dinafkahkan kepada yang hak. Kebebasan (*freedom*) bersuara dan mengambil pendirian adalah nilai yang dimanfaatkan bagi usaha-usaha yang membina. Setiap individu mendokong kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Masyarakat pula membela hak individu. Masyarakat juga membentuk umat yang terbuka kepada dunia. Undang-undang negara membawa kebaikan. Keadilan mengukuhkan keihisanan dan kesenian berlandaskan kehalusan nilai-nilai murni.

Akhirnya masyarakat Islam bukan hanya yakin dan tidak kekok berinteraksi dengan lain-lain tamadun, bahkan mereka memanfaatkan peluang interaksi tersebut dengan mempelajari dan mencipta penyelesaian baru.

**S**ewaktu hijrah pertama ke Habsyah, golongan mukminin diberi perlindungan penuh walaupun Habsyah pada masa itu merupakan sebuah negara Nasrani. Namun Raja Najasyi yang terkenal dengan pemerintahannya yang neutral, adil dan saksama enggan membenarkan wakil musyrikin Quraisy membawa pulang rombongan mukminin ke Makkah pada ketika itu kerana beliau mengetahui bahawa golongan mukminin akan disiksa sepulangan mereka ke tanah air.

Sistem keadilan dan kesaksamaan yang ada di negeri Habsyah diterima sepenuhnya oleh kaum muhajirin pada ketika itu. Atas dasar sistem tersebut mereka bergerak dan memberi sumbangan yang positif ke arah pembangunan rakyat dan kemakmuran negara Habsyah.<sup>43</sup> Oleh sebab itu, negara Habsyah mendapat kedudukan yang istimewa dalam diri Rasulullah S.A.W dan masyarakat Islam selanjutnya. Bahkan sejarah telah menunjukkan bahawa negara tersebut tidak pernah berperang dengan tentera Islam dalam usaha penyebaran Islam ke pelusuk semenanjung tanah Arab dan sekitarnya, bahkan Rasulullah S.A.W membiarkan Najasyi terus memerintah sebagai raja Habsyah. Ini kerana adalah mengenangkan keadilan raja dan rakyat Habsyah.





## Apakah pendirian Muslim terhadap tamadun-tamadun lain?



### Terbuka dalam mencari ilmu

Sikap keterbukaan di dalam menuntut ilmu amat disanjung Islam. Islam menyeru umatnya untuk sentiasa bersikap terbuka, berprinsip dan berwawasan. Begitu juga di dalam menghasilkan ilmu, masyarakat Islam seharusnya mencari ilmu, selagi mana ianya baik, dan dari segala sumber, tanpa merasa janggal. Di dalam sepotong athar, umat Islam disuruh “menuntut ilmu sehingga dari negeri Cina.” Ini telah dibuktikan di dalam sejarah Islam sendiri, di mana beberapa jenis ilmu yang bermanfaat telah diambil oleh masyarakat Islam dari negara Cina pada kurun ke 8, terutamanya ilmu mencetak di atas kertas. Tanpa ilmu tersebut, penulisan cendekiawan Islam tidak mampu disebar luas, lantas diraih manfaatnya oleh jumlah pembaca yang lebih besar.

Dalam pemerintahan Khalifah Umar ibn al-Khattab, beliau telah meniru sistem *dawawin* (kementerian) daripada pemerintahan Parsi dan memperkenalkannya ke dalam sistem pemerintahan Islam. Beliau telah membahagikan pentadbirannya kepada beberapa diwan atau kementerian seperti diwan pembendeharaan (Bait al-Mal)<sup>44</sup>, diwan pertahanan dan sebagainya. Dengan ini Khalifah Umar telah secara kreatif memperkenalkan sistem baru dalam pentadbirannya dan menggabungkannya dengan aspek-aspek lain sistem pentadbiran Islam demi melahirkan satu sistem yang lebih kemas dan terkini. Dengannya juga Khalifah Umar telah berjaya menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh negara dan para pegawainya.



### **Yakin dan aktif berinteraksi**

Adalah kritikal untuk kita mempelajari dari tamadun Islam kita sendiri, dan juga dari beberapa tamadun-tamadun. Demi untuk melakukan demikian, kita harus mempunyai keyakinan untuk sering berinteraksi dan bekerjasama dengan berbagai lapisan masyarakat dan bangsa. Dengan penukaran ilmu yang positif, kita akan hanya memperkayakan tamadun kita, serta membina jambatan persefahaman yang lebih utuh dengan teman-teman dari tamadun yang berbeza.



### **Penguasaan bahasa**

Penguasaan bahasa juga merupakan perkara asas di dalam bersifat terbuka untuk menguasai ilmu. Bahasa merupakan pintu pertama untuk mengenali sesebuah kaum dan budaya dengan lebih mendalam. Para ulama lampau telah mempelajari bahasa Greek umpamanya, demi untuk memanfaatkan kekayaan tradisi ilmu mereka. Semangat mempelajari bahasa lain perlu wujud di dalam umat cemerlang, mengikut kemampuan masing-masing untuk menguasai sesuatu bahasa baru.

Dengan mempelajari ilmu-ilmu tersebut, umat Islam akan mempunyai daya saing yang tinggi dan keyakinan diri yang mendalam dalam mengharungi kehidupan global masakini.



### **Tokoh: Ibn Batutah & Pengembaraannya**

Ibn Batutah merupakan seorang pengembara yang unggul di dalam sejarah dunia. Beliau menghabiskan kehidupannya dengan mengembara. Beliau telah mengembara ke Mesir, Syam, Hijaz, Parsi, Iraq, Asia Tengah, India, China, Timur Eropah, Andalusia dan banyak lagi negara.

Pengembaraan pertama beliau bermula pada tahun 1325 Masihi, di mana beliau belayar menuju ke Mekkah untuk menunaikan rukun Islam yang kelima. Ketika itu beliau berusia awal dua puluhan. Pengembaraan pertamanya mengambil masa lebih 24 tahun. Sepanjang tempoh tersebut beliau telah menjelajahi keseluruhan Utara Afrika dan benua Asia secara khusus negeri India dan China. Semasa tempoh tersebut, beliau telah menjawat jawatan hakim di negeri India dan kepulauan Maldives.

Pengembaraan keduanya bermula pada tahun 1351 Masihi, di mana beliau telah belayar ke kota Andalusia dan beberapa kota ternama di bumi Spanyol. Pengembaraan keduanya mengambil masa satu tahun.

Pengembaraan ketiganya bermula pada tahun 1352 Masihi, beliau mengembara ke negeri Sudan dan beberapa negara Afrika. Pengembaraan kali ini bertujuan untuk mengukuhkan jalinan hubungan politik dan perniagaan dengan negara-negara tersebut.<sup>45</sup>

Pengalaman interaksi melalui pengembaraan menjelajah segenap pelusuk dunia mengkayakan ilmu pengetahuan beliau dari sudut budaya, tamadun pelbagai masyarakat dunia. Penghargaan beliau terhadap maklumat yang beliau anggap bernilai ini jelas tergambar dalam buku yang diberi nama "*Rehlah Ibn Batutah*" (pengembaraan Ibn Batutah). Beliau adalah pengembara pertama yang merakamkan interaksi beliau dengan pelbagai kaum, budaya dan agama serta merakamkannya dalam bentuk dokumentari.

Sumbangan beliau jelas amat bernilai kepada khazanah ilmu dan kutub khanah bagi para pengkaji silang budaya dan anatar-agama.



## Rumusan

- Masyarakat Islam seharusnya yakin untuk berinteraksi dan belajar dari lain-lain tamadun. Ini kerana melalui kedua-dua proses tersebut mereka akan lebih matang dan berpandangan jauh.
- Menghargai lain-lain tamadun memberi ruang kepada masyarakat Islam memperkukuhkan persefahaman dengan masyarakat bukan Islam dan meluaskan lagi ruang tolak ansur dan saling menghormati sesama mereka. Yang penting sekali mewujudkan kerjasama ke arah pembangunan masyarakat dan negara berdasarkan prinsip keadilan dan nilai moral yang tinggi.
- Menghargai lain-lain tamadun membina kekuatan pemikiran kritikal dan kreatif dalam diri masyarakat Islam. Kekuatan inilah yang menempatkan masyarakat Islam sebagai pembentuk tamadun, bukan hanya sebagai pemerhati.



## Aplikasi




### Dialog Antara-Budaya

Dalam konteks hari ini, jalinan hubungan melalui program-program silang-budaya dan dialog antara-budaya adalah salah satu platform yang amat sesuai untuk setiap kaum dan kumpulan agama saling mengenal dan belajar di antara satu sama lain.

Para pakar dalam bidang ini percaya bahawa cara terbaik untuk memulakan dialog antara-budaya ini adalah dengan memusatkan pada nilai-nilai sejagat dan aspek-aspek yang dikongsi-sama, jauh daripada prejudis dan pertelingkahan yang boleh berlaku jika dialog dimulakan dengan memberikan penekanan dalam bidang-bidang seperti teologi di mana perbezaan di antara kumpulan agama adalah jelas. Dalam bidang-bidang inilah pemahaman dan saling hormat-menghormati itu amat penting. Isu-isu seperti masyarakat sivil, persefahaman dan keharmonian hidup beragama, keadilan dan kemantapan sosial, nilai-nilai umum dan sebagainya amat sesuai dijadikan topik dialog sebegini.







"الإنسان مدني بالطبع"

"Manusia Adalah Masyarakat Sosial Secara Semula Jadi."

Ibnu Khaldun



## Mempunyai Moral Yang Tinggi Dan Sifat Kerohanian Yang Utuh Mampu Mengatasi Cabaran Kehidupan Masyarakat Moden.



### Penerangan Umum

Kekuatan moral dan keutuhan sifat kerohanian dalam Islam adalah pemangkin dan penggerak masyarakat Islam untuk lebih berani berdepan dengan perubahan dan cabaran kehidupan masyarakat moden. Keberanian dan keyakinan ini akan melahirkan masyarakat Islam yang kukuh akidah (pegangan), murni akhlak, tinggi ilmu pengetahuan, berprinsip, menyemarakkan semangat kejiranan, bertolak ansur, menerima kehidupan majmuk, kebebasan beragama dan senantiasa memberi sumbangan positif ke arah pembangunan masyarakat dan kemakmuran negara.

Allah berfirman:

" ألم تر كيف ضرب الله مثلا كلمة طيبة كشجرة طيبة أصلها ثابت وفرعها في السماء. تؤتي أكلها كل حين بإذن ربها ويضرب الله الأمثال للناس لعلهم يتذكرون "

Maksudnya : *"Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya menjulang ke langit. Pohon itu memberikan buahnya pada tiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat"* <sup>46</sup>

Prinsip dan nilai, rohani dan akhlak adalah akar yang teguh bagi masyarakat Islam. Manakala keberanian masyarakat Islam menghadapi cabaran kehidupan dan perubahan dengan secara bebas seperti cabang-cabang pohon yang berkembang dan membesar secara bebas sehingga menjulang ke langit tinggi.



Setiap cabaran yang diatasi dan setiap perubahan yang dipengaruhi menghasilkan sumbangan yang baik kepada manusia sejagat sepertimana pohon yang dahan-dahannya menjalar, bergerak bebas tanpa ada sekatan dan halangan, akhirnya kemanisan buah yang dapat dirasai dan keteduhan di bawah rimbunannya yang dapat dinikmati.

**D**i dalam al-Quran, Allah merakamkan kisah Nabi Yusuf bagaimana beliau memelihara rohani dan jasmaninya daripada terjebak ke lembah hawa nafsu manusia. Akhirnya beliau terselamat daripada godaan wanita dan namanya menjadi sebutan sekalian manusia pada ketika itu hingga ke hari ini. Allah berfirman:

إِذَا قَالَ رَبِّ السِّجْنِ أَحِبِّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرَفْ عَنِّي كَيْدَهُنِ أَصْبَبُ الْيَهُودِ  
وَإَكْنَ مِنَ الْجَاهِلِينَ. فَاسْتَجَابَ لَهُ رَبُّهُ فَصَرَفَ عَنْهُ كَيْدَهُنَ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Ertinya: “ Yusuf berkata: “Wahai Tuhanku, penjara lebih aku sukai daripada memenuhi ajakan mereka kepadaku. Dan jika tidak Engkau hindarkan daripadaku tipu daya mereka, tentu aku akan cenderung untuk (memenuhi keinginan mereka) dan tentulah aku termasuk orang-orang yang bodoh. Maka Tuahnya memperkenankan doa Yusuf, dan Dia menghindarkan Yusuf dari tipu daya mereka. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”<sup>47</sup>

Tetapi apabila jelas terbukti beliau tidak bersalah dan diberi tawaran, Nabi Yusuf A.S telah meminta agar dilantik menjadi “Aziz Mesir” kerana berkeyakinan bahawa beliau mampu memimpin rakyat Mesir yang bakal berhadapan dengan cabaran hidup yang mendatang.



### **Bagaimana kerohanian meningkatkan kemajuan duniawi?**

Oleh yang demikian, masyarakat Islam harus sedar bahawa kerohanian Islam sama sekali tidak menghambat pencapaian kemajuan keduniaan bahkan ia seharusnya menjadi pencetus kemajuan tersebut. Kerohanian Islam yang sebenar mengikut pandangan Ulama adalah dengan menghayati 5 prinsip berikut :

- Bertakwa kepada Allah dalam keadaan sendirian dan di khalayak ramai.
- Mengikut al-Sunnah dalam setiap perkataan dan perbuatan.
- Berpaling daripada hal yang tidak bermanfaat.
- Redha dengan pemberian Allah.
- Kembali kepada Allah dalam setiap perkara.

Dengan berpegang kepada prinsip ini, keimanan seseorang Muslim akan teguh, ibadahnya akan kukuh, dan akhlaknya akan terpancar indah. Akhirnya ianya mampu membentuk keperibadian Muslim yang baik dan menuju kecemerlangan di dunia dan di akhirat.



### **Bagaimana membentuk keutuhan akhlak dan rohani?**

Membentuk masyarakat Islam melalui sistem akhlak dan rohani merupakan agenda utama dakwah dan pendidikan Islam masakini, bahkan ianya merupakan juga agenda masa hadapan. Proses ini harus dijalankan secara berterusan sesuai dengan sabda Rasulullah S.A.W:

" إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق "

Ertinya: “*Sesungguhnya hanya akau diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*”.<sup>48</sup>

Membangun sistem akhlak dan pengukuhan rohani dalam Islam menjurus kepada mencorak dan membangun peribadi insan secara keseluruhannya. Minda manusia harus dibentuk, jiwa manusia harus dibangunkan dan jasadnya/ fizikal harus dididik dan dilatih untuk melaksanakan tuntutan-tuntutan Allah.

Tidak akan tercapai matlamat pengabdian (*ubudiyah/ Tawhid*) secara sempurna, seandainya tiada usaha membangun akhlak dan rohani manusia. Tidak akan terlaksana sesuatu amanah dan tanggungjawab dengan sejujur-jujurnya, sekiranya tiada tarbiyyah rohaniah. Dan tidak akan terlaksana matlamat al-‘Umran dengan jayanya, sekiranya tiada proses penyucian menyeluruh diri manusia. Di sini jelas tergambar kaitan al-Tawhid, *al-Tazkiah* dan *al-‘Umran* yang disebutkan sebelum ini. Sehubungan dengan itu, banyak sekali ayat-ayat di dalam al-Quran di mana Allah mengaitkan kemakmuran dunia dengan sistem akhlak dan rohani, di antaranya adalah firman Allah:

{ولا تعثوا في الأرض مفسدين}

Ertinya: “*Dan janganlah kamu berkeliaran di muka bumi dengan berbuat kerusakan.*”<sup>50</sup>

Allah berfirman di lain ayat:

{إن الأرض يرثها عبادي الصالحون}

Ertinya: “*Bahawasanya bumi ini dipusakai oleh hamba-hambaKu yang soleh (baik).*”<sup>51</sup>

Sebahagian Ulama mendefinisikan *Makarim al-Akhlak* (kemuliaan akhlak) melalui sabda Rasulullah S.A.W di dalam hadis berikut:

" أمرني ربي بتسع: الإخلاص في السر والعلانية، والعدل في الرضا والغضب، والقصد في الغنى والفقر، وأن أعفو عن ظلمي، وأصل من قطعني، وأعطي من حرمني، وأن يكون نطقي ذكراً، وصمتي فكراً، ونظري عبرة"

Ertinya: “Tuhanku memerintahkan aku sembilan perkara; **ikhlas** dalam keadaan sendirian dan di khayalak ramai, **berlaku adil** dalam keadaan reda (tenang) dan marah, **berjimat-cermat** ketika kaya dan susah, **memaafkan** orang yang menzalimiku, **menyambung perhubungan** orang yang memutuskan hubungan bersamaku, **memberi** kepada orang yang bersifat lokek kepadaku, hendaklah aku menjadikan **perbicaraanku sebagai satu zikir, diamku untuk berfikir** dan **pemandanganku sebagai satu pelajaran.**”<sup>52</sup>

Imam Ibn al-Qayyim berpendapat kemuliaan akhlak terbina di atas 4 rukun:

- Sabar
- Iffah (kehormatan diri)
- Syaja’ah (Berani)
- Adil

Melalui sabar, ia mendidik manusia menahan diri, bersifat lembut dan menolak keburukan dengan jalan yang terbaik. Menerusi *iffah*, ia mengawal dan menolak diri manusia daripada melakukan perbuatan yang hina dan perkataan yang keji. *Syaja’ah*, membentuk semangat dan berjiwa besar. Manakala adil pula menjamin kesederhanaan dan keseimbangan dalam tingkah laku dan perbuatan.



### **Tokoh: Rasulullah S.A.W Nabi rahmat untuk semua.**

Rasulullah S.A.W dikenali sebagai (نبي الرحمة) nabi yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Semasa di kota Makkah Baginda dikenali oleh masyarakat Quraisy sebagai (*al-Sadiq*) seorang yang jujur dan (*al-Amin*) amanah. Namanya bukan hanya disebut-sebut oleh umat Islam di seluruh dunia. Bahkan namanya juga disanjung tinggi oleh sarjana-sarjana dan ahli pemikir Barat dahulu dan masakini.

Berikut adalah petikan-petikan kata mereka yang mengenali Nabi Muhammad S.A.W melalui lembarah sejarah:

George Bernard Shaw di dalam *The Genuine Islam*: “Jika seseorang seperti Muhammad menjadi dictator dalam dunia moden hari ini, beliau akan berjaya menyelesaikan masalah dunia dan membawa keamanan dan kebahagiaan yang sangat didambakan.”

Di dalam Encyclopedia Britannica ada menyebutkan: “Muhammad merupakan Nabi dan personaliti agama yang paling berjaya.”

Manakala Karen Armstrong berpendapat: “Saya fikir beliau adalah contoh keberanian dan iltizam yang hebat, satu contoh apa yang dapat dilakukan oleh seseorang dengan bantuan Yang Maha Suci, Yang Maha Kaya, tetapi juga dengan inspirasi insani juga. Sungguh pun demikian, beliau (Muhammad) masih juga baik hati, manusia, mesra dan penyayang. Beliau pasti merupakan seorang cendekiawan ulung yang pernah dunia kenali, dari segi kerohanian (spiritual) mahu pun politik, bahkan beliau juga merupakan cendekiawan dalam bidang kemanusiaan. Saya sering memikirkan tentang kebajikannya terhadap para isterinya, anak-anaknya, belaian kasihnya kepada binatang, kesetiannya pada para sahabatnya, dan bagaimana beliau sering menitikkan airmata apabila sedang menderita. Tidak pernah ada sesaat pun dalam hidupnya beliau bersifat kurang dari manusia.”

Alphonse de Lamartine, *Histoire de la Turquie* berkata : “Dengan menggunakan semua piawai yang boleh mengukur keunggulan manusia, kita sepatutnya bertanya, adakah wujud manusia yang lebih hebat dari beliau (Muhammad)”

Thomas Carlyle, cendekiawan Inggriss, berkata, “Di antara aib terbesar yang ada hari ini ialah bahwa seorang cendekiawan menerima begitu saja ucapan seseorang yang mengatakan bahwa Islam adalah bohong dan Muhammad adalah penipu. Pandangannya yang kukuh, pemikiran-pemikirannya yang lurus, kecerdasannya, kecermatannya, dan pengetahuannya terhadap kemaslahatan umum, merupakan bukti-bukti nyata terhadap kebajikannya .

Diven Port menulis tentang diri Rasulullah S.A.W : *“Dari segi keindahan, kebaikan watak dan perilaku, Muhammad memiliki keistimewaan yang sangat tinggi. Mereka yang tidak memiliki watak-watak seperti inilah yang memandang beliau sebagai sesuatu yang tak bernilai.*

Will Durant, ahli sejarah Amerika Syarikat dalam dua buku sejarahnya, juga memuji Muhammad S.A.W: *“Kita harus katakan bahwa Muhammad adalah tokoh sejarah terbesar.*



### **Aplikasi**

Dalam menangani isu pembinaan kasino, masyarakat Islam telah pun menyatakan pendirian dan alasan mereka dalam menolak penubuhan kasino sebagai sebahagian daripada pusat peranginan bersepadu (IR). Masyarakat Islam juga sepakat bahawa judi dan kegiatan kasino adalah haram bagi orang-orang Islam dan ianya boleh membawa kesan yang tidak baik terhadap kehidupan sosial secara amnya.

Cuma mungkin yang memerlukan keputusan bijak masyarakat kita sekarang ini ialah sama ada untuk hanya terus memberikan fokus kepada ketegasan menyangkal pendirian pemerintah dan menuntut sekatan yang paling ketat bagi mengekang anggota masyarakat Islam dari memasuki kasino atau memberikan lebih fokus kepada pendidikan dan pembinaan benteng dalaman yang kukuh. Kita bersetuju dengan pandangan sesetengah pihak bahawa badan-badan Islam harus memulakan peranan pendidikan dengan lebih meluas lagi untuk menanamkan kefahaman dan penghayatan nilai Islam di dalam diri setiap anggota masyarakat Islam. Ini amat penting dan suasana sekarang ini membuka peluang untuk kita memperluas pendekatan pembinaan syakhshiah (keperibadian) tersebut.

Pendekatan sekatan semata yang diinginkan sebahagian pihak secara realiti tidak akan mengubah keinginan seorang Muslim yang sudah bertekad untuk ke kasino atau berjudi dan melanggar perintah Allah. Sikap dan akhlak yang sebeginilah yang perlu diperbaiki. Cara yang lebih berkesan

ialah pendidikan dan kesedaran dalaman. Ini memerlukan pendidikan dan pembinaan keperibadian dengan memperkasa setiap individu dengan kemantapan fahaman dan penghayatan pengetahuan dan akhlak yang betul.

Sekiranya kita mengamati sejarah pendekatan dakwah Rasulullah S.A.W, kita akan dapati jelas bagaimana Baginda S.A.W menyusun keutamaan dalam kerja-kerja pembentukan ummah. Walaupun Syariat Islam telah memperuntukkan peraturan, undang-undang dan hukuman bagi silap laku atau jenayah, namun, ianya adalah sesuatu yang sekunder jika dibandingkan dengan keperluan pendidikan dan pembinaan syakhsiah. Bukanlah peraturan atau undang-undang itu tidak perlu, tetapi jika sistem pendidikan telah mantap dan semua saluran dakwah dan pembinaan telah dimanfaatkan dengan baik, hukuman dan peraturan tidak menjadi isu sangat.

Sebagai contoh, ketika seorang lelaki bernama al-Ma'iz dan seorang wanita bernama al-Ghamidiyyah<sup>53</sup> datang berjumpa Baginda S.A.W dan mengaku bahawa mereka telah berzina dan minta dihukum, Rasulullah S.A.W memalingkan muka sebanyak empat kali. Bahkan Rasulullah S.A.W bertanya kepada lelaki tersebut dengan beberapa pertanyaan seperti : *“Adakah kamu mempunyai masalah mental?” “Adakah kamu sudah berumahtangga? “Kemungkinan kamu setakat bercumbuan, atau kamu setakat jeling-menjeling, atau kamu setakat pandang-memandang sahaja?”* Akhirnya setelah mendengar pengakuan lelaki tersebut, Baginda meminta para sahabatnya untuk melaksanakan hukuman ke atas lelaki tersebut.

Manakala bagi wanita berkenaan, Rasulullah S.A.W memanggil walinya seraya berkata: *“Jagalah baik-baik (wanita ini), dan apabila dia sudah melahirkan, bawalah dia kepadaku (untuk dilaksanakan hukuman ke atasnya).”* Wali wanita tersebut akhirnya melakukan apa yang dianjurkan oleh Nabi S.A.W ke atasnya. Sekiranya wali tersebut tidak mendatangkan anaknya untuk dihukum selepas masa penangguhan, besar kemungkinan Rasulullah S.A.W tidak akan mengutus orang untuk mencarinya. Inilah yang sering kita baca dan dengar dari ramai ulama dan fuqaha' mengenai hal ini.

**Apakah hukuman tidak penting sehingga Baginda S.A.W seolah-olah mencari alasan untuk tidak menjatuhkan hukuman?**

Tentunya bukan begitu. Tetapi sebagaimana yang dinyatakan oleh ramai ulama bahawa, yang penting adalah sistem pendidikan telah pun mantap dan individu telah mampu membuat muhasabah (audit) sendiri sehingga mereka yang membuat kesilapan pun mudah sedar dan bertaubat. Tentulah dalam keadaan begini, undang-undang tidak lagi menjadi isu besar.

Oleh yang demikian, masyarakat Islam Singapura seluruhnya perlu berganding bahu dan memupuk kesepaduan dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin hari semakin terbuka luas tanpa sempadan ini. Jika kita benar-benar mahu memelihara generasi Muslim kita hari ini dan di hari muka dengan berkesan, tidak ada pilihan bagi kita kecuali dengan pembinaan syakhsiah Islamiah yang betul dan mantap.





## Rumusan

- Masyarakat Islam harus meyakini bahawa berhadapan dengan cabaran dan perubahan adalah fitrah.
- Berpaksikan *ruhaniyyat* dan *akhlaqiyyat* yang utuh ianya memperkasakan masyarakat Islam untuk berjalan, bukan setakat bertahan; mencorak perubahan, bukan setakat menyesuaikan diri dengan perubahan; mempengaruhi cabaran, bukan hanya menghadapinya.








" لا شك أن جوهر الحضارة الاسلامية هو الاسلام،

ولا شك أن جوهر الاسلام هو التوحيد "

"Tidak syak lagi bahawa intipati tamadun Islam adalah agama Islam itu sendiri, dan tidak syak lagi intipati ajaran Islam adalah al-Tawhid"

Ismail Raji al-Faruqi



## 5 Progresif, Mengamalkan Islam Lebih Sekadar Ritual/ Bentuk Dan Dapat Mempengaruhi Arus Pemodenan



### Penerangan Umum

Masyarakat Islam cemerlang adalah masyarakat yang berusaha untuk memperbaiki keadaan yang ada sekarang ke arah kemajuan. Masyarakat Islam cemerlang tidak akan berasa selesa melihat ajaran Islam berligar di daerah batasan bentuknya sahaja. Ajaran Islam seharusnya dihayati dan dipraktikkan melebihi batasan bentuk atau ritual. Meskipun kedua-dua roh (intipati) dan ritual saling lengkap melengkapi antara satu sama lain, namun penekanan ke arah ajaran intipati (*essence*) Islam yang bersifat menyeluruh (*syumul*) merupakan agenda utama mengikut konteks Singapura masakini.

Dengan penekanan ajaran Islam yang menjangkau lebih sekadar bentuknya, masyarakat Islam akan lebih yakin dan kuat menghadapi arus kemodenan yang sentiasa terus melanda daripada setiap arah. Setiap arus kemodenan yang datang ianya akan disaring, dinilai dan diadili mengikut prinsip Islam dan setiap arus yang melanda akan dikawal mengikut neraca yang tidak akan merosakkan sendi-sendi asas agama Islam.



### Apakah yang dimaksudkan dengan 'progresif'?

Menghayati kesempurnaan ajaran Islam bahawa ianya merangkumi setiap aspek kehidupan moden kita dan menghayati sifat Islam sebagai (*Din al-hayat*) cara hidup.

Seringkali Islam diertikan dengan pengamalan ibadat yang terbatas. Maka seorang Muslim hanyalah dikenali dengan

solat, zakat, puasa, haji dan namanya sahaja. Sedangkan seorang Muslim seharusnya dikenali dengan akhlaknya, disiplinnya, ketekunannya, nilai-nilai murninya dan sumbangan jasanya. Semua ini dikira ibadat yang amat berharga di sisi Allah, kerana kebaikannya bukan hanya kembali kepada seseorang Muslim, tetapi tersebar luas untuk manfaat umat manusia. Apa yang penting ialah bagaimana seorang Muslim mampu menterjemahkan ajaran Islam dalam kehidupan hariannya.

Natijah yang diinginkan melalui ciri ini ialah masyarakat Islam cemerlang bijak membuat keputusan dengan memberi keutamaan (*priority*) dalam tindak-tanduknya ketika berdepan dengan berbagai bentuk arus pemodenan. Diagram berikut ini boleh dijadikan panduan umum untuk mengenali keutamaan dalam perkara-perkara yang mempunyai kaitannya dengan pengamalan Islam:

Bentuk (Ritual)	Intipati (Essence)
Solat	[1] rendah diri [2] fokus dan disiplin [3] cinta kebaikan [4] mencegah keburukan
Puasa	[1] sabar [2] ihsan [3] syukur [4] taqwa [5] rahmat
Zakat	[1] penyucian diri dan harta [2] perihatin [3] tanggungjawab
Haji	[1] persaudaraan dan kesatuan [2] pengorbanan [3] tekun [4] inklusif

Di dalam al-Quran, Allah merakamkan kisah Nabi Daud A.S dan Nabi Sulaiman A.S. di mana kedua-duanya bukan hanya setakat menyampaikan risalah Allah dalam bentuk ibadat harian semata-mata. Bahkan mereka menterjemahkan ibadat dalam pentadbiran kehakiman yang diamanahkan ke atas mereka. Allah berfirman:

﴿وداود وسليمان إذ يحكمان في الحرث إذ نفثت فيه غم القوم وكنا لحكمهم شاهدين.  
ففهمناها سليمان وكلا آتينا حكما وعلما وسخرنا مع داود الجبال يسبحن والطير  
فواعلين﴾

Ertinya: “ Dan (ingatlah kisah) Daud dan Sulaiman, di waktu keduanya memberikan keputusan mengenai tanaman, kerana tanaman itu dirusak oleh kambing-kambing kepunyaan kaumnya. Dan adalah Kami menyaksikan keputusan yang diberikan oleh mereka itu. Maka Kami telah memberi pengertian kepada Sulaiman tentang hukum lebih tepat; dan kepada masing-masing mereka telah Kami berikan hikmah dan ilmu dan telah Kami tundukkan gunung-ganang dan burung-burung, semua bertasbih bersama Daud. Dan Kamilah yang melakukannya.”<sup>54</sup>

Jam Ibn al-Kathir menukil peristiwa di atas yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dan al-'Aufi di mana terdapat satu kaum memiliki sebuah ladang anggur. Pohon-pohonnya subur, membesar dan hampir menghasilkan keuntungan. Lalu ladang tersebut telah dirosakkan oleh kambing-kambing yang dimiliki oleh satu kaum yang lain. Peristiwa tersebut dibawa kepada penghakiman Nabi Daud. Nabi Daud memutuskan agar segala ternakan kambing diserahkan kepada pemilik ladangan sebagai ganti rugi kerosakan yang berlaku. Manakala Nabi Sulaiman memutuskan agar ladang tersebut diserahkan kepada para pengembala kambing untuk dibangunkan semula ladang tersebut sehingga kembali seperti sebelumnya. Manakala beliau memberikan ternakan kambing kepada para pemilik ladang untuk dimanfaatkan daripada hasil ternakan tersebut sebagai ganti rugi kerosakan yang berlaku sehingga ladang mereka kembali seperti awalnya. Sekiranya segala-galanya berjalan seperti yang diatur, maka pemilik ladang harus menyerahkan kembali ternakan-ternakan tersebut kepada para penegmbala dan para pengembala pula menyerahkan kembali ladang tersebut kepada pemilik ladang.<sup>55</sup>



### Tokoh: Ibn Sina bapa ilmu perubatan moden

Ibnu Sina adalah di antara tokoh ulama silam yang amat dikagumi. Sumbangannya yang paling gemilang adalah dalam bidang perubatan melalui karyanya *al-Qanun Fi al-Tib*. Sumbangan beliau ini telah dimanfaatkan oleh orang ramai sehinggakan beliau dikenali sebagai ‘*Father of Medicine*’ sehingga kini. Beliau juga terkenal dalam bidang geologi, beliau pernah mengkaji mengenai perlombongan, cara-cara pengeluaran logam dan berbagai-bagai lagi kajian yang bersangkutan dengan ilmu geologi.



### Aplikasi



### Konsep Ibadah yang meluas

Ibadah merupakan salah satu prinsip Islam. Ia mengandungi amalan-amalan yang tertakluk pada cara-cara yang diterangkan dalam al-Qur’an dan al-Sunnah. Ibadah juga mengandungi intipati-intipati tersendiri yang merupakan antara tujuan ianya disyariatkan. Intipati-intipati ini juga adalah nilai-nilai murni dan unsur-unsur sejagat yang menjadi asas ke arah pembinaan akhlak mulia. Kegagalan umat Islam membezakan di antara aspek intipati dan bentuk inilah kadangkala menyebabkan mereka gagal memilih keutamaan yang tepat.

Sebagai contoh, ramai individu Muslim sanggup bersedia untuk mengeluarkan belanja yang besar setiap tahun untuk menunaikan ibadah umrah yang menjanjikan pahala yang besar. Sedang seruan derma bagi keperluan dana institusi seperti madrasah dan badan dakwah kurang mendapat perhatian walau pun ia juga satu aspek ibadah yang juga menjanjikan pahala yang besar, bahkan ia adalah amal jariah yang lebih bersifat jangka panjang dan strategik. Di samping kesan ibadah seperti umrah kembali kepada individu sedang kesan amal jariah bagi institusi-institusi Islam

yang disebutkan tadi menjangkau masyarakat seluruhnya. Pahalnya pula berterusan selama mana institusi-institusi tersebut wujud di muka bumi ini.



### **Penggunaan Teknologi di dalam Dakwah**

Kemajuan teknologi hari ini seperti internet, blogging, podcasting dan webcasting, tidak harus dipandang negatif atau dipergunakannya untuk keburukan yang boleh meruntuhkan akhlak, nilai dan harga diri manusia itu sendiri. Akan tetapi alat-alat tersebut seharusnya menjadi wasilah bagi para dai pada kurun ke 21 untuk menyebarkan mesej Islam ke pelusuk dunia.

Alat-alat di atas boleh digunakan untuk membawa manfaat dan ianya juga boleh digunakan untuk membawa kerosakan. Agama Islam mengajar umatnya untuk mengambil yang terbaik dan berfaedah, dalam masa yang sama, agama menganjurkan agar mereka berusaha meninggalkan sesuatu yang buruk dan yang mendatangkan sia-sia. Rasulullah S.A.W menganjurkan umatnya untuk menuntut ilmu. Baginda juga memohon perlindungan Allah daripada ilmu yang tidak membawa manfaat. Di antara doa Rasulullah S.A.W yang dipanjatkan ke hadrat Ilahi adalah:

"اللهم إني أعوذ بك من علم لا ينفع، ومن قلب لا يخشع، ومن نفس لا تشيع، ومن دعوة لا يستجاب لها"

Ertinya: *"Ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada ilmu yang tidak bermanfaat, daripada hati yang tidak khusyu', daripada jiwa yang tidak merasa kenyang dan daripada doa yang tidak diperkenan."*<sup>56</sup>






## Rumusan

- Masyarakat Islam harus berusaha untuk memperbaiki keadaan yang ada sekarang ke arah kemajuan.
- Masyarakat Islam harus memahami bagaimana menjalin kedua-dua bentuk dan intipati ajaran Islam dan tidak hanya menekankan salah satu daripadanya dan mengabaikan yang lain.
- Masyarakat Islam harus cekap membuat keutamaan dalam mengharungi arus kemodenan.







" خير الناس أنفعهم للناس "

"Sebaik-baik Manusia Adalah Yang Terbaik Dalam  
Memberi Manfaat Kepada Manusia Lain."

al-Hadith



## Dapat Menyesuaikan Diri Sebagai Golongan Yang Memberi Sumbangan Dalam Masyarakat Berbilang Agama Dan Negara Sekular<sup>57</sup>



### Penerangan Umum

Islam tidak hanya ingin melahirkan insan yang salih, tetapi juga insan yang *muslih* yang memberikan sumbangan kepada kebaikan. Allah berfirman di atas lisan Nabi Syuaib:

"إن أريد إلا الإصلاح ما استطعت"

Ertinya : *"Aku tidak bermaksud kecuali untuk mendatangkan perbaikan selama aku masih berkesanggupan."* <sup>58</sup>

Individu *muslih* ini sentiasa peka dengan perubahan dan pergolakan dunia masakini yang berlaku ke atas dirinya, keluarga, masyarakat dan negaranya. Dia sentiasa terus berusaha membangunkan dirinya, memberi sumbangan kepakaran kepada masyarakat dan memainkan peranan kepimpinan yang penting untuk pembangunan negara.

Masyarakat Islam bukanlah masyarakat yang terpinggir dan mengasingkan diri. Dengan keyakinan bahawa mereka adalah masyarakat yang membawa kesejahteraan dan kebaikan, mereka tidak merasa janggal untuk menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan.

Dengan prinsip-prinsip keadilan serta menghormati kewujudan agama lain, umat Islam dididik untuk membangunkan sikap saling hormat-menghormati, harga-menghargai, bantu-membantu, dan terutama sekali sifat memberi sumbangan. Sabda Rasulullah S.A.W:

"خير الناس أنفعهم للناس"

Ertinya : “ *Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat untuk manusia lain.*” <sup>59</sup>

Melalui hadis ini juga dapat kita fahami bahawa sumbangan yang ingin diberikan hendaklah membawa kemanfaatan dan kesejahteraan manusia sejagat. Untuk merealisasikan perkara ini, setiap sumbangan yang diberikan hendaklah dilakukan dengan penuh ketekunan dan semangat berlumba mengejar kebaikan dan kebajikan. Firman Allah:

{فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ}

Ertinya: “*Maka berlumba-lumlah kamu dalam membuat kebaikan.*” <sup>60</sup>

Allah berfirman di lain ayat:

{وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُونَ}

Ertinya: “*Dan untuk yang demikian itu, hendaknya orang berlumba-lumba.*” <sup>61</sup>

Allah berfirman di lain ayat:

{وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ  
وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْذِبِينَ}

Ertinya: “*Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagian dari (kenikmatan) dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan.*” <sup>62</sup>

Nabi Sulaiman A.S adalah seorang nabi, dalam masa yang sama beliau juga adalah seorang raja yang mentadbir kerajaannya dengan adil dan saksama. Segala makhluk di muka bumi tunduk dengan kerajaan beliau. Di dalam al-Quran, Allah merakamkan kisah Nabi Sulaiman di mana beliau merasakan setiap sumbangan baik yang diberikan kepada masyarakatnya adalah merupakan anugerah Allah untuk mengujinya adakah ia bersyukur atau sebaliknya. Allah berfirman:

{قال هذا من فضل ربي ليبلوني ايشكر ام اكنفر ومن شكر فابما يشكر لنفسه ومن كفر فان ربي غني كريم}

*Ertinya: “ Berkata Sulaiman: “Ini termasuk kurnian Tuhanku untuk mencoba aku apakah aku bersyukur atau mengingkari (akan nikmatnya). Dan barangsiapa bersyukur, maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri dan barangsiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia. ” 63*



## Aplikasi



## Menghulurkan bantuan kemanusiaan

Beberapa tahun yang lalu masyarakat dunia dikejutkan dengan peristiwa Tsunami yang melanda beberapa buah negara Asia. Diikuti dengan gempa bumi di Turki, China dan Indonesia. Singapura merupakan di antara negara yang menghulurkan bantuan dari segi kewangan dan logistik. Sebahagian bantuan yang dihulurkan merupakan sumbangan daripada masyarakat Islam Singapura. Ianya berbentuk wang ringgit, pakaian, makanan dan bantuan kepakaran dalam bidang perubatan yang melibatkan tenaga manusia.

Sumbangan seperti ini, sungguh bererti kepada mereka yang berada di dalam kesusahan. Dengan ini, masyarakat Islam

telah mempraktikkan ajaran Islam yang sebenar dengan menunjukkan sifat ihsan, rahmah yang sebenar. Sumbangan seperti ini harus diteruskan, dan umat Islam harus menerajui usaha-usaha menghulurkan bantuan sedemikian.

Sekarang ini, Dana Rahmatan lil 'Alamin telah ditubuhkan untuk mengumpul dana bagi membantu mangsa-mangsa bencana alam. Dana seperti ini melambangkan rahmat Islam buat semua. Ia mesti disokong, dan dikembangkan seterusnya.

Penyertaan badan-badan kebajikan bertaraf antarabangsa seperti *Mercy Relief* adalah sesuatu yang boleh dijadikan contoh. Dengan menyumbangkan khidmat kemanusiaan yang merentasi agama, negara dan bangsa, penyertaan *Mercy Relief* melambangkan konsep rahmat sejagat dalam menghidupkan semangat kasih sayang dan kesukarelawanan. Kehadiran *Mercy Relief* setiap kali berlakunya musibah dan tragedi di mana sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit adalah sesuatu yang membanggakan. Kita ingin melihat lebih banyak lagi penyertaan daripada masyarakat Islam dalam arena antarabangsa seperti ini.



### **Tokoh: Moulana Shah Muhammad Abdul Aleem Siddique & Keharmonian Agama**

Pada 3 April 1892, lahirlah seorang alim yang bernama Moulana Shah Muhammad Abdul Aleem Siddique. Beliau telah dibesarkan dengan pendidikan Islam oleh bapanya, Moulana Shah Muhammad Abdul Hakim dan ibunya. Pada usia empat tahun Moulana telah menghafal Al-Quran seluruhnya. Dalam tahun 1908, beliau telah mendapat ijazah sarjana muda dengan kepujian dalam bidang Usuluddin. Kemudian ia melanjutkan pelajarannya dalam ilmu moden selama empat tahun. Ia juga mempunyai ilmu yang mendalam di dalam ilmu al-Quran, al-Hadith, Tassawuf dan sebagainya.

Pada tahun 1930, beliau telah datang ke Singapura sebagai seorang yang mengenalkan keamanan dan agama Islam. Ke mana sahaja beliau pergi, usaha beliau yang paling ketara ialah menyebarkan mesej keamanan.

Moulana adalah orang yang pertama mengasaskan "*All Malaya Muslim Missionary Society*" pada tahun 1932, yang sekarang ini dikenali sebagai Jamiyah.

Pada 1949, Moulana bersama beberapa pemimpin agama telah bermesyuarat bersama Mr Malcolm MacDonal, seorang pentadbir utama kerajaan British di Singapura, mengenai persefahaman antara agama, yang akhirnya terbinanya Inter-Religious Organisation (IRO). Pada March 1949, IRO telah dibangunkan untuk menggalakkan persefahaman antara kepercayaan di Singapura dan menerapkan semangat keamanan di kalangan masyarakat Singapura.

Selain dari menyebarkan keamanan, ratusan ribu orang telah menerima keihisanannya melalui usaha gigihnya dan kepintarannya. Natijahnya tertubuhlah masjid-masjid, sekolah-sekolah, hospital-hospital, perpustakaan, tempat-tempat perubatan, rumah-rumah tumpangan anak yatim dan kerja-kerja kebajikan yang lain.

Untuk mengenang usaha luar biasanya di dalam penyebaran kepercayaan dan mesej keamanan, masjid Abdul Aleem Siddiq telah dibina di Singapura pada tahun 1954.






### **Rumusan**

- Masyarakat Islam harus berpendirian bahawa masyarakat yang salih juga merupakan masyarakat yang muslih dan memberi sumbangan kepada kebaikan.
- Masyarakat muslih adalah masyarakat yang mampu untuk memberikan sumbangan tidak kira tempat dan masa.
- Ketekunan dan kemanfaatan sejagat merupakan dasar dalam umat Islam memberikan sumbangan








” يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى

وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ”

“Wahai Manusia, Sesungguhnya Kami Telah Menciptakan Kamu Lelaki Dan Wanita Dan Kami Jadikan Kamu Berbangsa-Bangsa Dan Bersuku-Suku Supaya Kamu Saling Kenal Mengenal”.

al-Quran



## Tidak Menyendiri Dan Menerima Hakikat Kehidupan Majmuk<sup>64</sup> Tanpa Mengabaikan Prinsip Dan Nilai



### Penerangan Umum

Kewujudan masyarakat Islam di dalam sebuah negara bukan Islam bukanlah satu halangan atau hambatan bagi masyarakat Islam untuk meneruskan hidup sebagai Muslim dan memelihara identiti keislamannya. Bahkan ia juga mampu mengamalkan kehidupan masyarakat majmuk. Ini bukan satu pengalaman baru bagi masyarakat Islam, kerana Islam di peringkat awalnya muncul sebagai agama minoriti di tengah-tengah masyarakat yang berbilang agama dan bangsa. Oleh kerana itulah, dasar hormat-menghormati dan mengakui kepelbagaian aspek ini bukanlah sesuatu yang baru dalam Islam. Bahkan Kitab Suci al-Quran telah menekankan hal ini dengan menyebut dan berbicara mengenai agama-agama dan budaya lain, seperti: Yahudi, Kristian, Majusi, Sabian, musyrikin bahkan golongan atheis dan anti agama. Dengan penghayatan konsep agama fitrah (*Din al-Fitrah*), Islam adalah agama yang bersifat inklusif.

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى وَالصَّابِئِينَ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلْ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Ertinya: “ Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani dan orang-orang Shabiin, siapa saja di antara mereka yang benar-benar beriman kepada Allah, hari kemudian dan beramal soleh, mereka akan menerima pahala dari Tuhan mereka, tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.” <sup>65</sup>

Lantaran itu, masyarakat Islam sentiasa merayakan kepelbagaian dan bersikap terbuka kepada perbezaan pandangan. Mereka sentiasa menanggapi kepelbagaian secara positif selama mana ia dilakukan secara beradab, rasional, objektif dan berasaskan kaedah ilmu yang betul. Atas dasar ini, masyarakat Islam menerima pluralisme sebagai realiti hidup. Mereka tidak pernah melihat Islam sebagai agama yang susah untuk wujud bersama (*co-exist*) dengan mereka yang bukan Islam. Islam semasa di Makkah wujud dalam suasana masyarakat majmuk. Begitu juga semasa di Madinah sebagaimana jelas tergambar melalui Piagam Madinah.<sup>66</sup> Bahkan al-Quran sendiri menggariskan panduan hidup bersama yang harus didasari atas konsep (*al-Birr*) berlaku baik dan (*al-Qist*) berbuat adil:

"لَا يَنْهَاكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ"

Ertinya : *"Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."*<sup>67</sup>



**Bagaimana konsep *al-Birr* (berbuat baik) dan *al-Qist* (berlaku adil) diterjemahkan dalam kehidupan majmuk Singapura?**



**Menghayati Persaudaraan Seinsan**

Dengan menyebarkan mesej Islam yang mengajak kepada pengukuhan persaudaraan seinsan (الأخوة الإنسانية), masyarakat Islam mampu melaksanakannya. Mesej ini telah diketengahkan oleh Sheikh Tantawi semasa kunjungan beliau ke Singapura dalam rangka menghadiri Program Pelawat Unggul (*Distinguished Visitor Programme*). Konsep persaudaraan seinsan yang diketengahkan tidak menafikan konsep persaudaraan Islam (الأخوة الإسلامية) yang sedia ada. Bahkan ianya merupakan pusingan selanjutnya (*next lap*) agenda dakwah Islam masakini. Dengan keadaan dunia yang serba terbuka, manusia boleh berinteraksi antara satu

sama lain melalui teknologi canggih masakini. Keadaan tersebut dilihat sebagai satu peluang bukan satu ancaman.

Konsep persaudaraan seinsan bukan merupakan konsep baru. Bahkan dasar konsep ini ada disebutkan di dalam al-Quran dan al-Hadis. Daripada nas al-Quran, Allah berfirman:

{يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً}

Ertinya: *“Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak.”*<sup>68</sup>

Manakala daripada nas al-Hadis, sabda Baginda:

إن ربكم واحد، وإن أباكم واحد، كلكم لأدم وأدم من تراب

Ertinya: *“Sesungguhnya Tuhan kamu adalah Esa dan bapa kamu adalah satu. Asal kejadian setiap kamu adalah daripada Adam, dan Adam diciptakan daripada tanah.”*<sup>69</sup>

Mesej ini mengajak masyarakat Islam melihat non-Muslim sebagai saudaranya. Perbezaan dari sudut kepercayaan tidak menghalang masyarakat Islam untuk terus berinteraksi bersama mereka secara luhur dan jujur. Ini kerana keyakinan masyarakat Islam terhadap mesej persaudaraan seinsan mengukuhkan lagi kefahaman terhadap nas-nas al-Quran yang menjelaskan kepada:

- Kemuliaan jiwa anak Adam.
- Perbezaan adalah lumrah.
- Saling berkenalan.
- Hindarkan permusuhan.

Kemuliaan jiwa anak Adam sama ada yang beriman dan yang tidak beriman harus dipelihara dan dibela dengan penuh keadilan. Dalam hal ini Allah berfirman:

{وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي النَّارِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا}

Ertinya: *“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.”*<sup>70</sup>

Perbezaan anak-anak Adam dari sudut kepercayaan merupakan sunnah Ilahi yang hanya Allah sahaja Maha Mengetahui rahsianya. Ianya merupakan hak Allah untuk melaksanakan hukumanNya di kampung akhirat dan bukan menjadi tanggungjawab kita untuk membuat perhitungan duniawi. Dalam hal ini Allah berfirman:

{وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ}

Ertinya: *“Jika-lau Tuhan-mu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat.”*<sup>71</sup>

Perbezaan anak-anak Adam dari segi pegangan, warna kulit dan bahasa bukan dilihat sebagai satu hambatan dan halangan. Bahkan perbezaan tersebut mendorong masyarakat Islam untuk membina jambatan perkenalan. Dalam hal ini Allah berfirman:

{يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا}

Ertinya: *“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal.”*<sup>72</sup>

Perkenalan di atas harus dilaksanakan dengan penuh ikhlas, jujur dan luhur. Sehubungan dengan itu, masyarakat Islam dididik dari awal-awal lagi melalui prinsip Islam yang jelas agar tidak memulakan api permusuhan yang boleh merosakkan sistem kehidupan secara bermasyarakat.

{وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ}

Ertinya: “Dan perangilah di jalan Allah Wahai orang-orang yang memerangi kau, tetapi janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.”<sup>73</sup>



### Muslim & Non-Muslim adalah Ummah al-Da’wah

Bertitik tolak daripada konsep persaudaraan seinsan ini, ianya mengajak masyarakat Islam melihat golongan non-Muslim sebagai *Ummah al-Da’wah* (umat yang perlu mendapat seruan) bukan melihat melalui lensa tanggapan atau kacamata menghukum mereka sebagai *kafirun/kuffar* secara melulu sedang mereka belum secara terang-terangan memusuhi atau membohongi kebenaran ajaran Islam. Maka menjadi tanggungjawab kita menyampaikan risalah suci Islam kepada golongan tersebut melalui nilai, akhlak dan sumbangan murni yang berterusan. Risalah suci ini tidak akan terlaksana dengan jayanya, kecuali dengan merubah cara kita melihat golongan ini. Konsep persaudaraan seinsan ini membangkitkan rasa tanggungjawab kita terhadap golongan tersebut sebagai saudara kita seinsan sepertimana kita mempunyai tanggungjawab terhadap saudara kita seIslam.

Akhirnya, masyarakat Islam akan terus hidup di dalam masyarakat majmuk dengan penuh rasa tanggungjawab. Tanggungjawab terhadap masyarakat Islam sendiri, tanggungjawab terhadap saudara kita seinsan, tanggungjawab mewujudkan keamanan dan kedamaian dan tanggungjawab untuk terus memberi sumbangan bermakna kepada kemakmuran dan kestabilan negara.





## **Tokoh: Rasulullah S.A.W & Penyusunan Kehidupan Majmuk di Madinah**

Pembentukan kehidupan sosial bersistem dalam Islam bermula dengan penghijrahan Rasulullah S.A.W ke Madinah. Di Madinah, di samping golongan Muslim yang merupakan majoriti penduduk, terdapat golongan minoriti juga hidup di bawah pentadbiran negara Islam, mereka adalah golongan ahli Kitab dari kalangan orang-orang Yahudi dan golongan musyrikin. Sebagai ketua negara, Rasulullah S.A.W menyusun kehidupan majmuk di Madinah dengan mewujudkan undang-undang yang diberi nama sebagai (Sahifah Madinah) Piagam Madinah. Kandungan utama piagam tersebut berkisar di atas:

- Pembentukan umat.
- Hak asasi manusia.
- Tanggungjawab Muslim terhadap negara
- Tanggungjawab seluruh warga negara terhadap negara
- Golongan minoriti
- Kepimpinan negara
- Politik perdamaian



## **Aplikasi**

Lebaran sejarah Islam sejak awal lagi telah memperkenalkan konsep kehidupan bermasyarakat melalui tiga cara berikut:

- Berkenalan (ta'aruf)
- Hidup bersama (ta'ayusy)
- Bekerjasama (ta'awun)

Melalui konsep ta'aruf Al-Quran menjelaskan :

"يا أيها الناس إنا خلقناكم من ذكر وأنثى وجعلناكم شعوبا وقبائل لتعارفوا"

Ertinya : *"Wahai manusia sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan. Dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal."* <sup>74</sup>

Daripada konsep ta'aruf, ianya melangkah setapak lagi kepada konsep ta'ayush (hidup bersama) dengan manusia lain <sup>75</sup>. Allah berfirman:

"لا ينهاكم الله عن الذين لم يقاتلوكم في الدين ولم يخرجوكم من دياركم أن تبروهم وتقسطوا إليهم إن الله يحب المقسطين"

Ertinya : *"Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil."* <sup>76</sup>

Setelah kehidupan bersama berjalan rapi atas dasar kebajikan dan keadilan, ianya melangkah setapak lagi ke satu peringkat yang lebih tinggi iaitu penghayatan konsep ta'awun (bekerjasama) dengan manusia lain dalam perkara-perkara yang membawa kebaikan bersama. Allah berfirman:

"وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على الإثم والعدوان"

Ertinya : *"Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa. Dan jangan kamu bertolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan."* <sup>77</sup>

Sehubungan dengan itu, "masyarakat Islam" yang mengamalkan kehidupan majmuk di mana jua mereka berada, senantiasa bersedia berinteraksi, cepat menyesuaikan diri dan berusaha memberi sumbangan positif kepada pembangunan masyarakat dan kemakmuran negara.




## Rumusan

- Amalan kehidupan majmuk bukanlah sesuatu yang baru bagi masyarakat Islam.
- Kefahaman dan penghayatan pluralisme telah menjadikan masyarakat Islam bersedia untuk bersikap inklusif dan tidak memencilkan diri daripada arus perdana (*mainstream*)







" حب الوطن من الإيمان "

"Cinta Kepada Negara Adalah Sebahagian Daripada Iman."

(Kata-Kata Hikmah)



## Percaya Bahawa Muslim Yang Baik, Adalah Rakyat Yang Baik



### Penerangan Umum

Sifat berbuat baik dan memberi sumbangan adalah daripada intipati ajaran Islam. Di mana bumi dipijak di situ jasa seorang Muslim dirasai dan dikenang. Sebagai masyarakat Islam yang hidup di dalam sebuah negara yang bersistamkan sekular, tanggungjawab untuk membawa kebaikan sentiasa dilaksanakan dengan itqan dan sempurna.

Antara cabang utama dari prinsip ketaatan yang dianjurkan dalam Islam ialah kecintaan pada Negara. Ikatan emosi antara seorang individu dan tempat atau Negara yang didiami merupakan fitrah semulajadi selama mana kecintaan itu berteraskan pada aqidah. Malah, Ulama Islam menjadikan kecintaan negara itu tanggungjawab setiap orang yang beriman sebagaimana ungkapan masyhur daripada sebahagian para salaf : *“Cinta kepada Negara itu sebahagian daripada iman.”*<sup>78</sup>



### Bagaimana seorang Muslim menjadi rakyat yang baik?



### Cinta negara cinta kebaikan

Dr Salah al-Sultan <sup>79</sup> telah menjelaskan beberapa panduan agama yang harus diguna pakai oleh masyarakat Islam yang hidup di dalam sebuah masyarakat yang berbilang agama, bangsa, budaya dan bahasa serta di sebuah negara yang sekular. Di antara panduan tersebut ialah:

- Mempunyai perasaan mendalam terhadap kenegaraan.
- Mengukuh semangat rasa tanggungjawab untuk membangun kebaikan bagi negara.

Ini kerana umat Islam di mana jua mereka berada, mereka harus membawa bersama mereka tiga tanggungjawab iaitu (i) menjaga amanah agama, (ii) menyebarkan risalah Islam, dan (iii) menyeru kepada kebaikan. Hal ini telah dijelaskan melalui firman Allah:

"كنتم خير أمة أخرجت للناس"

Ertinya: *"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia"* <sup>80</sup>

Dan melalui sabda Rasulullah S.A.W:

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

Ertinya: *"Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."* <sup>81</sup>



### **Memberi sumbangan yang berterusan**

Sehubungan dengan itu, seorang rakyat yang cintakan negaranya akan sentiasa mencuba dan bersedia memberi sumbangan. Sumbangan yang diberikan terdorong oleh nilai-nilai sejagat yang telah disepakati bersama oleh pemerintah dan rakyat seperti keadilan, keselamatan dan kesejahteraan.

Setiap negara mempunyai kerangka (*framework*) perlembagaan untuk merealisasikan nilai-nilai ini. Di Singapura, kita mempunyai pelbagai agensi dan kementerian untuk menegakkan keadilan dan mempertahankan hak-hak individu dan masyarakat. Dari seorang pegawai polis hinggalah ke ketua hakim negara, setiap seorang daripada mereka memainkan peranan dalam menyumbang pada keadilan dan hak.

Dalam memastikan bahawa setiap rakyat hidup dalam kesejahteraan di negara ini, adalah menjadi tanggungjawab individu Muslim untuk meningkatkan kualiti hidupnya sekaligus menyumbang pada peningkatan taraf kesejahteraan negara. Dewasa ini, sumbangan jelas masyarakat Melayu Islam dalam membina kesejahteraan negara ialah dengan pencapaian mereka dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Bilangan para pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran mereka ke pos menengah hampir 75%. Ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan pencapaian pada tahun 1994 apabila hanya 42.5% pelajar Melayu berjaya berbuat demikian.<sup>82</sup> Manakala bilangan para pelajar Melayu yang menuntut di politeknik-politeknik tempatan meningkat daripada 1.9% dalam tahun 1990 kepada 4% dalam tahun 2000. Bilangan mereka yang berkelulusan ijazah juga meningkat tiga kali ganda dari 0.6% dalam tahun 1990 kepada 2% pada tahun 2000. Dalam bidang ekonomi pula, 23.4% para pekerja Melayu memegang jawatan profesional dan pengurus pada tahun 2000 berbanding dengan 11.7% pada tahun 1990. Purata pendapatan bulanan mereka juga bertambah dari \$1099 pada tahun 1990 kepada \$2040 dalam tahun 2000.<sup>83</sup>

Masyarakat Islam perlu diberi kefahaman bahawa dengan pencapaian ini, mereka sebenarnya telah menyempurnakan kedua-dua fardhu ain dan fardhu kifayah mereka secara serentak. Fardhu ain ialah apabila menuntut ilmu atau bekerja untuk menyara diri dan keluarga, dan Fardhu Kifayah apabila pekerjaan yang mereka lakukan menyumbang pada kestabilan dan kesejahteraan negara. Apa yang penting ialah semangat untuk terus mempertingkatkan pencapaian ini terus dihayati dan dijiwai sebagai nilai agama murni. Ini yang membentuk identiti Muslim negara ini.



### **Iltizam dengan perlembagaan negara**

Antara bukti ketaatan kita pada negara ialah dengan kita menyumbang pada kestabilan negara. Tidak kiralah sama ada dari segi politik, sosial atau ekonomi di peringkat nasional mahu pun antarabangsa. Setiap rakyat harus mendokong dasar-dasar yang baik sesuai dengan prinsip-prinsip universal Islam. Bahkan kita bertanggungjawab untuk memastikan bahawa dasar dan prinsip-prinsip ini



ditegakkan. Kita juga harus memupuk keharmonian antara kaum dan sedia menghormati dan membantu satu sama lain. Kita juga harus bekerja keras membangun ekonomi negara dalam era persaingan globalisasi. Dan yang paling penting sekali sesudah kita melakukan itu semua, kita harus sanggup mempertahankan semua pembangunan dan kemajuan ini dari ancaman-ancaman yang mungkin datang dari luar.

Rakyat yang baik merupakan aset utama dan terpenting buat sesebuah negara. Dalam proses masyarakat Islam menyumbang dalam pembangunan negara untuk menjadi rakyat yang baik, kita juga harus mengukuhkan jati diri walaupun sebagai satu masyarakat minoriti. Isu identiti sering timbul apabila pemerintah melaungkan slogan integrasi dan kesaksamaan.

Seorang Muslim yang baik memahami bahawa tidak ada konflik di antara menjadi Muslim yang baik dengan menjadi rakyat yang baik. Identiti seorang Muslim bukanlah terletak hanya pada hukum-hukum Syara' yang lahiriah atau hak-hak peribadi semata. Malah identiti Muslim juga boleh menyerlah dengan menjadi rakyat yang baik, yang mendokong dan membela perlembagaan negara yang ditegakkan atas dasar keadilan, kesejahteraan masyarakat umum dan menghormati kebebasan berfikir dan beragama. Ini adalah kerana, sebagai seorang Muslim yang berpegang pada janji, kita harus menghormati ikrar yang kita lafazkan apabila kita memilih Singapura sebagai tanahair kita.



### **Tokoh: Rasulullah S.A.W & Pakatan Mulia (Hilf al-Fudhul)**

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, kesetiaan pada negara harus didasari dengan prinsip-prinsip umum Islam seperti keadilan. Prinsip ini merentasi batas agama dan bangsa. Ini termaktub dalam sirah Rasulullah S.A.W dalam peristiwa *Hilf al-Fudhul* (Pakatan Mulia).

Dalam peristiwa ini, seorang saudagar dari Zabid telah tiba di Makkah dengan dagangannya. Salah seorang pembesar

Di dalam Al-Quran, Allah S.W.T menceritakan usaha dan sumbangan Nabi Yusuf A.S kepada bumi Mesir, meskipun raja Mesir dan kebanyakan rakyatnya belum beriman kepada Allah. Allah berfirman:

{وقال الملك اني ارى سبع بقرات سمان ياكلهن سبع عجاف وسبع سنبلات خضر واخر يابسات يابها الملا افتوني في رؤياي ان كنتم للرؤيا تعبرون. قالوا اضغاث احلام ومانحن بتاويل الاحلام بعالمين. وقال الذي نجا منهما وادكر بعد امة انا انبئكم بتاويله فارسلون. يوسف ايها الصديق افتنا في سبع بقرات سمان ياكلهن سبع عجاف وسبع سنبلات خضر واخر يابسات لعلني ارجع الى الناس لعلهم يعلمون. قال تزرعون سبع سنين دأبا فما حصدتم فذروه في سنبله الا قليلا مما تاكلون. ثم ياتي من بعد ذلك سبع شداد ياكلن ماقدمتم لهن الا قليلا مما تحصنون. ثم ياتي من بعد ذلك عام فيه يغاث الناس وفيه يعصرون}

Ertinya: “Raja berkata (kepada orang-orang terkemuka dari kaumnya): “Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh butir (gandum) yang hijau dan tujuh bulir lainnya yang kering.” Terangkanlah kepadaku tentang takbir mimpiku itu jika kamu dapat menafsirkan mimpi.” Mereka menjawab: “(Itu) adalah mimpi yang kosong dan kami sekali-kali tidak tahu menafsirkan mimpi itu”. Dan berkatalah orang yang selamat di antara mereka berdua dan teringat (kepada Yusuf) sesudah beberapa waktu lamanya: “Aku akan memberitakan kepadamu tentang (orang yang pandai) menafsir mimpi itu, maka utuskanlah aku (kepadanya).” (Setelah pelayan itu berjumpa dengan Yusuf dia berseru): Yusuf, hai orang yang amat dipercayai, terangkanlah kepada kami tentang tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh bulir (gandum) yang hijau dan tujuh bulir lainnya yang kering agar aku kembali kepada orang-orang itu, agar mereka mengetahui.” Yusuf berkata: “Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan dibulunya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan. Kemudian setelah itu akan datang tahun yang padanya manusia diberi hujan (dengan cukup) dan di masa itu mereka memeras anggur.”<sup>84</sup>

Quraish, al-‘As ibn Wa’il, telah membeli dagangan saudagar tersebut dan menanggungkan pembayaran. Saudagar tersebut telah meminta bantuan dari pembesar Quraisy lainnya tetapi mereka enggan membantu kerana kedudukan al-‘As ibn Wa’il. Saudagar itu kemudian meminta sokongan daripada sekalian penduduk Makkah.

Para pemuda Makkah dengan sifat objektif mereka bersemangat untuk membetulkan keadaan. Mereka lalu bertemu di rumah Abdullah ibn Jud’an dan membuat satu pakatan dengan nama Allah bahawa mereka akan bersekutu

dengan pemuda yang teraniaya itu untuk menentang si penindas sehingga masalah itu diselesaikan. Orang Arab menamakan peristiwa ini sebagai *Hilf al-Fudhul*, atau Pakatan Mulis. Pemuda-pemuda itu kemudian pergi ke al-'As ibn Wa'il dan mengambil hak saudagar tersebut dan memulangkannya kepada beliau.

Peristiwa ini berlaku sebelum Muhammad diutus menjadi Rasul dan beliau amat menyanjungi dan berbangga dengan pakatan ini. Selepas beliau diangkat menjadi nabi dan membawa mesej Islam, Baginda berkata:

" لقد شهدت في دار عبد الله بن جدعان حلفاً، ما أحب أن لي به حمر النعم ولو أدعي به إلى الإسلام لأجبت "

Ertinya : *"Aku telah berada di rumah Abdullah ibn Jud'an untuk menyaksikan satu pakatan yang sangat aku suka untuk memilikinya, jika aku diundang untuk menyertai pakatan yang serupa sekarang, aku akan menyertainya sekali lagi."*

85

Dalam erti kata lain, keadilan dan hak harus dipertahankan walaupun orang yang teraniaya itu tidak sebangsa dengan pemuda Quraisy.




### Rumusan

- Seorang Muslim yang baik percaya bahawa perasaan cinta pada negara adalah fitrah, selama mana ia berteraskan aqidah.
- Seorang Muslim yang baik bertanggungjawab menegakkan keadilan, memelihara kestabilan dan meningkatkan kualiti hidup dalam negara yang didiami.
- Seorang Muslim yang baik memahami bahawa identiti Islam boleh dipamerkan dalam bentuk ketaatan pada negara.







" وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين "

"Tidak Aku Mengutuskan Kamu (Muhammad) Melainkan  
Untuk Membawa Rahmat Kepada Sekalian Alam."

(al-Quran)



## Membawa Kesejahteraan Kepada Semua Dan Menggalakkan Nilai Dan Prinsip Sejagat



### Penerangan Umum

Islam adalah agama Allah yang membawa rahmat untuk sekalian alam. Rahmat Allah ini seharusnya dapat dirasakan oleh semua umat manusia, sama ada yang beriman atau yang tidak beriman bahkan hatta kepada haiwan. Masyarakat Islam harus menyebarkan anugerah ini dengan sebaiknya.

Untuk merealisasikan anugerah ini dalam satu masyarakat yang berbilang bangsa dan agama, masyarakat Islam seharusnya menggunakan pendekatan hikmah apabila berinteraksi dengan masyarakat lain sesuai dengan tuntutan Allah kepada orang yang beriman.

"ادع إلى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة وجادلهم بالتتي هي أحسن"

Ertinya : "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan berbahaslah bersama mereka dengan cara yang terbaik."<sup>86</sup>

Pendekatan hikmah dalam memaparkan kemurnian Islam adalah salah satu prinsip yang tidak seharusnya diabaikan. Pendekatan ini akan membuka ruang yang luas kepada seluruh manusia ke arah kebenaran dan ke arah kesejahteraan sejagat. Allah berfirman:

"وما أرسلناك إلا رحمة للعالمين"

Ertinya : "Tidak Aku mengutuskan kamu (Muhammad) melainkan untuk membawa rahmat kepada sekalian alam."<sup>87</sup>

Di samping sifat rahmah yang ada dalam diri Rasulullah S.A.W, Baginda juga memiliki sifat 'Aziz (simpati), Haris (Perihatin), Ra'uf (penyantun) dan Rahim (penyayang). Allah

S.W.T merakamkan sifat-sifat tersebut melalui firmanNya:

{لقد جاءكم رسول من أنفسكم عزيز عليه ما عنتم حريص عليكم بالمؤمنين رءوف  
رحيم}

Ertinya: *“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul daripada kalangan kamu sendiri, berat terasa olehnya penderitaan kamu, sangat menginginkan (kesejahteraan) bagikamu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang yang beriman.”*<sup>88</sup>

Penghayatan terhadap sifat *Rahmah, Aziz, Harish, Ra’uf* dan *Rahim* yang dimiliki oleh Rasulullah S.A.W mengajar masyarakat Islam menggunakan pendekatan mudah, membawa khabar gembira, lembut dan berlapang dada dalam berinteraksi dengan manusia keseluruhannya. Masyarakat Islam seharusnya merasakan bahawa kewujudan mereka di kalangan masyarakat lain hendaklah membawa rahmah sepertimana Rasulullah S.A.W membawa rahmah kepada seluruh alam. Sehubungan dengan itu, Masyarakat Islam seharusnya mampu menilai sesuatu keadaan baru dan mencari penghuraian terbaik, bersifat belas ihsan dan bijak menggunakan pendekatan lembut untuk mencapai matlamat murni yang diinginkan.

Hakikatnya, dalam diri Rasulullah S.A.W adalah contoh teladan bagi umat sejagat. Rasulullah S.A.W diutuskan membawa rahmat dan Baginda adalah penyebar kesejahteraan sejagat.



### **Tokoh : Rasulullah S.A.W bersama penduduk Taif**

Dalam sebuah hadis pernah diceritakan bahawa Baginda S.A.W adalah seorang yang amat pengasih dan penyayang, dan sifatnya ini tidak terbatas hanya sesama Muslim saja. Sebagai contoh, Baginda sering membalas tindakan orang-orang yang pernah menyakiti Baginda dalam beberapa peristiwa dengan sifat rahmah. Antaranya :

Rasulullah s.a.w sepertimana yang digambarkan oleh para sahabatnya sebagai: “Baginda tidak kasar, tidak berperangai buruk dan tidak menjerit ketika di pasar. Baginda tidak melakukan kejahatan bagi membalas kejahatan, tetapi Baginda sangat suka memaafkan dan melupakan kejahatan.”<sup>89</sup> Apabila diberi pilihan antara dua perkara, Baginda akan memilih yang lebih mudah di antara dua perkara itu selama mana ianya tidak ada unsur dosa. Seandainya terdapat unsur-unsur dosa, Bagindalah orang yang paling menjauhinya. Baginda tidak pernah berdendam (atas setiap penghinaan) yang Baginda terima selagi mana ia tidak melanggar larangan-larangan Allah S.W.T. Dan apabila had-had yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dicabuli, maka Baginda marah untuk Allah kerana perbuatan tersebut.<sup>90</sup> Baginda tidak pernah berdiri atau duduk tanpa bibir Baginda menyebut nama Allah S.W.T. Ke mana sahaja Baginda pergi, Baginda duduk di bahagian tepi atau belakang sesuatu perhimpunan, kerana tidak mahu dikenali. Baginda memberikan perhatian kepada sesiapa sahaja yang duduk dengan Baginda sehingga mereka akan merasakan bahawa Baginda memberikan lebih perhatian kepada mereka berbanding dengan orang-orang lain. Apabila seseorang duduk dengan Baginda, Baginda akan memberi perhatian sepenuhnya dan bersabar sehinggalah orang itu pergi. Apabila seseorang memerlukan bantuan Baginda, Baginda akan memberikan apa yang diperlukannya atau memberikan kata-kata yang baik (nasihat) kepadanya. Orang ramai tertarik dengan ketenangan dan akhlak Baginda, sehingga Baginda seperti ayah mereka. Majlis Baginda dipenuhi dengan suasana ketenangan, terhormat, kesabaran dan kejujuran.<sup>91</sup> Bagindalah orang yang paling ringan tangannya, paling berani pendiriannya, paling benar perbicaraannya, dan yang paling tepat dalam menunaikan tanggungjawab di kalangan manusia keseluruhan. Tingkah laku Baginda paling lembut, pergaulannya sangat terhormat. Sesiapa sahaja yang bertemu dengannya untuk kali pertama akan merasa kagum, dan sesiapa yang berdamping dengannya akan terpesona.”<sup>92</sup>



Peristiwa di Taif, ketika Baginda s.a.w. berdakwah kepada Bani Tha'qif, dakwah Baginda telah disambut oleh penduduk Taif dengan kata-kata yang kesat dan lontaran batu-batu oleh anak-anak kecil dan orang dewasa. Sekalipun besar penghinaan yang diterima oleh Baginda, namun Baginda tetap mendoakan kaum tersebut dengan katanya:

" بل أرجو أن يخرج الله عز وجل من أصلايهم من يعبد الله وحده لا يشرك به شيئا "

Ertinya: *"Bahkan Aku berharap kepada Allah Azza wa Jalla agar lahir daripada keturunan mereka orang yang akan menyembah Allah yang Esa dan tidak menyekutuiNya"*<sup>93</sup>

Peristiwa pembukaan kota Makkah. Tatkala tentera Islam memasuki kota Makkah dan menawaninya semula dari penguasaan orang-orang Quraisy, walaupun Baginda berjaya menawan pembesar-pembesar Quraisy yang pernah menyakiti Baginda dahulu, Baginda tidak menggunakan kuasa yang dimiliki pada ketika itu untuk membalas dendam atas apa yang pernah mereka lakukan terhadap Baginda. Apa yang dilakukan adalah membebaskan tawanan-tawanan tersebut tanpa sebarang syarat sambil berkata:

" اذهبوا فأنتم الطلقاء "

Ertinya: *"Pergilah! Sesungguhnya kamu semua bebas (ke mana sahaja yang hendak kamu pergi)"*.<sup>94</sup>

Jelas daripada amalan Rasulullah S.A.W di atas bagaimana umat Islam diajar untuk berbuat baik kepada semua, walaupun kepada orang bukan Islam, sesuai dengan konsep Islam sebagai agama *"rahmatan lil'alam"*.

Tanpa interaksi dengan masyarakat lain, bagaimanakah mungkin masyarakat Islam boleh menghayati dan mengamalkan konsep *"rahmatan lil'alam"* ini?



## Bagaimana sifat Rahmah dapat dihayati pada masakini?



### Pendidikan Islam bagi generasi muda

Pendidikan Islam hari ini perlu diwarnai nilai rahmah di atas. Dengan realiti generasi muda hari ini yang berbeza dengan generasi-generasi sebelumnya, pendekatan dakwah perlu disemak semula. Sebagai seorang pendidik atau dai, mereka harus menilai keadaan pemuda pemudi, anak didiknya dan masyarakat secara umum serta mengambil kira cabaran dan kesusahan yang sedang mereka hadapi pada hari ini, sebelum terus menyampaikan suruhan agama seperti yang terbiasa dilakukan. Golongan sedemikian harus diberi galakkan bukan ancaman. Bertolak ansur di atas kekurangan mereka bukan memperkecilkan keadaan mereka. Yang harus ada dalam diri pendidik adalah sifat optimis mempercayai wujudnya kebaikan dalam diri golongan tersebut yang belum lagi terlihat.



### Interaksi harian di dalam masyarakat majmuk

Hidup di dalam masyarakat majmuk, yang berbeza latarbelakang, agama dan bangsa, juga memerlukan sifat *rahmah*. Kita tidak harus menganggap bahawa seseorang yang tidak mengamalkan Islam sebagai jauh dari rahmat Allah S.W.T. Mungkin satu masa nanti, Allah S.W.T akan memberi hidayah kepadanya mengikut ketentuannya.

Begitu juga bagi orang yang berbeza agama. Kita tidak boleh menganggap mereka sebagai kotoran (*najs*) atau sudah terputus dari hidayah Allah. Urusan hidayah dan keimanan adalah urusan Allah yang Maha Mengetahui. Tugas dan tanggungjawab kita adalah untuk menunjukkan contoh yang baik, memberi dorongan, panduan, dan berdoa kepada Allah S.W.T agar Dia menerima usaha murni kita.



### Memperjuangkan nilai-nilai murni

Masyarakat Islam adalah sebuah masyarakat yang terus melaksanakan kebaikan dalam segala bentuk dan di setiap

peringkat. Segala usaha yang baik adalah merupakan ibadat di sisi Allah S.W.T. Masyarakat Islam juga perlu mendukung nilai-nilai sejagat, sehingga mereka dikenali sebagai pendukung nilai-nilai tersebut. Prinsip keadilan, nilai *rahmah* di dalam membasmu kemiskinan dan kejahilan, nilai memelihara alam sekitaran, adalah peluang bagi masyarakat Islam untuk menerajui dan memperjuangkan. Ini boleh dilakukan dengan bekerjasama dengan badan-badan yang menghulurkan bantuan, sehingga menjadi budaya umat Islam sendiri.




### Rumusan

- Masyarakat Islam meyakini bahawa Islam membawa kesejahteraan kepada semua.
- Kesejahteraan Islam membawa kepada pemeliharaan kesucian agama, kemuliaan jiwa, ketajaman akal, kekayaan harta dan kehormatan keturunan.
- Menggunakan pendekatan hikmah dalam menggalakkan nilai dan prinsip sejagat apabila berinteraksi dengan masyarakat lain.







" كنتم خير أمة أخرجت للناس "

"Kamu Adalah Umat Yang Terbaik Yang Dilahirkan Untuk Manusia"

(al-Quran)



# 10

## Menjadi Contoh Dan Inspirasi Kepada Semua



### Penerangan Umum

Umat Islam yang menghidupkan ciri-ciri kecemerlangan seperti yang diterangkan sebelum ini akan mampu menjadi idaman serta contoh yang baik bagi masyarakat lain. Setiap nilai, prinsip dan gaya hidup masyarakat ini mencerminkan penekanan terhadap kesungguhan dalam setiap pekerjaan dan perilaku. Penekanan ini sejajar dengan prinsip ihsan yang perlu dihayati dan disuburkan oleh masyarakat Islam hari ini dalam setiap penghayatan ibadah mereka.

Umat Islam contoh tidak berkompromi pada mutu dan nilai setiap amalan rohani mahu pun jasmani, duniawi atau pun ukhrawi. Masyarakat Islam tidak berpuas hati dengan selain yang terbaik. Sebagai umat contoh, masyarakat Islam perlu meletakkan kayu ukur yang menjadi panduan masyarakat lain. Ukuran ini mestilah berada di tahap maksima agar dapat mengukur tahap pencapaian sekalian masyarakat.

Di samping itu, masyarakat Islam contoh tidak gentar mempelopori bidang-bidang baru yang boleh dimanfaatkan oleh sekalian umat manusia. Masyarakat Islam bersedia menerajui bidang-bidang ilmu dan keusahawanan yang belum pernah diterokai sebelum ini.

Masyarakat Islam sebegini yang diidamkan. Mereka bak cahaya api yang berada di dalam bekas kaca. Mereka bukan hanya setakat memberi sinaran yang menerangi kehidupan manusia, bahkan sinaran cahayanya memancar terang dapat dilihat dari jauh dan memberi manfaat kepada seluruh umat manusia dan alam sekitar.



## Bagaimana menjadi umat contoh?



### Menolak keburukan dengan jalan yang terbaik

Di dalam pandangan Islam, yang baik dan yang tidak baik adalah jelas. Namun, sebagai umat contoh, Allah S.W.T menyeru agar kita menolak sesuatu yang tidak baik dengan jalan yang terbaik. Firman Allah:

{ولا تستوي الحسنة ولا السيئة ادفع بالتي هي أحسن فإذا الذي بينك وبينه عداوة كأنه ولي حميم}

Ertinya: “Dan tidaklah sama kebaikan dan kejahatan. Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik, maka tiba-tiba orang yang antaramu dan antara dia ada permusuhan seolah-olah telah menjadi teman yang sangat setia.”<sup>95</sup>

Sebahagian ahli tafsir ada menjelaskan sebab turunnya ayat ini iaitu mengenai kisah Abu Jahal yang sering menyakiti Rasulullah S.A.W. Maka Baginda diperintahkan untuk memaafkannya.<sup>96</sup>

Rasulullah S.A.W dididik oleh Allah S.W.T agar sentiasa bersifat lembut dan memaafkan kesalahan orang. Allah berfirman:

{فيما رحمة من الله لنت لهم ولو كنت فظاً غليظ القلب لانفضوا من حولك فاعف عنهم واستغفر لهم وشاورهم في الأمر فإذا عزمت فتوكل على الله إن الله يحب المتوكلين}

Ertinya: “Maka disebabkan rahmat dari Allahlah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.”<sup>97</sup>



## Menghayati pendekatan yang terbaik

Fakta ini amat sejajar dengan kesimpulan yang dibuat oleh beberapa ulama kontemporari yang menjelaskan bahawa Islam yang kita inginkan adalah sebagaimana yang dihayati oleh generasi awal umat Islam, iaitu Islam yang:

- Menghayati al-Quran dan al-Sunnah dengan betul.
- Mudah - tidak menyulitkan.
- Membawa berita gembira – bukan hanya menakutkan.
- Lembut - tidak keras.
- Saling mengenal - bukan membenci.
- Lapang dada - bukan ta'assub.
- Mementingkan inti (substance) - bukan bentuk (form).
- Beramal - bukan berjidal.
- Menyumbang - bukan hanya melaungkan slogan.
- Menghayati ijtihad - bukan taklid buta.
- Menganjurkan pembaharuan - tidak beku.
- Konsisten - tidak goyah.
- Seimbang/sederhana - tidak melampau dan tidak pula meringan-ringankan.



## Aplikasi



## Menangani cabaran dengan hikmah dan strategi

Di dalam menangani isu-isu semasa, kita harus berpegang



kepada nilai dan prinsip ini. Kita harus melangkah jauh dari emosi dan sentimen. Isu karikatur yang menghina Rasulullah S.A.W, yang berasal dari akhbar keluaran Denmark merupakan satu situasi yang menduga cara masyarakat Islam mengangani cabaran tersebut. Adakah seharusnya kita memilih jalan kekerasan yang akan hanya mengeruhkan suasana? Atau kita telah berfikir terlebih dahulu untuk menggunakan pendekatan hikmah dan pelajaran-pelajaran yang baik (*al-mau'izah al-hasanah*)?

Hanya jalan yang terbaik (الأحسن) yang menjadi pilihan umat contoh. Semoga Allah mengurniakan kita petunjuk dalam mencari kebenaran dan mengurniakan kita taufiq dalam melaksanakan sesuatu yang hak., Allahumma Amin.

**K**etika menerajui tamadun dunia dalam zaman keemasannya, umat Islam pernah menjadi kiblat ilmu terutama dalam bidang sains moden bagi masyarakat dunia.

Pada ketika itu, bukan hanya para penuntut daripada kalangan masyarakat Kristien dan Yahudi datang menuntut ilmu di institusi-institusi Islam, bahkan pemerintah Islam zaman itu telah mengambil sebahagian mereka untuk berkhidmat dalam beberapa bidang seperti perubatan dan perakaunan. Ada juga yang dilantik sebagai bendehara negara.



### Rasulullah S.A.W. Membina Umat Contoh

Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya telah memaparkan Islam kepada mata dunia dengan gambaran yang baik. Baginda dan para sahabat telah menunjukkan contoh yang baik dalam membangun ummah dari sudut pengurusan diri (aqidah, ibadah dan akhlak) dan pengurusan sistem (ilmu-ilmu kemanusiaan). Dalam ertikata yang lain, Baginda dan para sahabat telah berjaya membentuk sebuah masyarakat contoh di mana masyarakat tersebut telah menjadi rujukan dalam urusan agama dan rujukan dalam pentadbiran dunia. Mengimbas kembali kejayaan generasi tersebut, seorang pemikir Islam ada menyebutkan:

الأدب أدبان: أدب شريعة، وأدب سياسة، فأدب الشريعة ما أدى الفرض، وأدب السياسة ما عمر الأرض، وكلاهما يرجع إلى العدل الذي به سلامة السلطان وعمارة البلدان، لأن من ترك الفرض فقد ظلم نفسه، ومن خرب الأرض فقد ظلم غيره"

*Ertinya: Etika terbahagi kepada dua: Etika Syariah dan etika siasah (politik). Etika Syariah adalah sesuatu yang mengukuhkan tanggungjawab agama, manakala etika siasah adalah sesuatu yang mendorong kepada kemakmuran dunia. Kedua-dua etika ini akan merealisasikan konsep keadilan yang membawa kepada kesejahteraan kepimpinan dan kemakmuran negara. Sesiapa yang meninggalkan tanggungjawab agama, maka ia telah menzalimi dirinya sendiri, dan sesiapa yang merosakkan muka bumi ini, maka ia telah menzalimi orang lain.* <sup>98</sup>



### Rumusan

- Khaira Ummah diukur melalui kekuatan iman, keluasan dan kedalaman ilmu pengetahuan, kekukuhan jatidiri dan kesediaan memberi sumbangan.
- Khaira Ummah mempelopori serta mencorak agenda masa depan masyarakat.
- Umat contoh adalah umat yang peka terhadap kebaikan dan kesejahteraan bukan hanya manusia bahkan alam seluruhnya.

- <sup>1</sup> Roger Ballard. 1994. *Desh Pardesh: The South Asian Presence in Britain*. London C. Hurst and Co.
- <sup>2</sup> Werner Menski. 2001. Muslim Law in Britain. *Journal of Asian and African Studies*. No. 62: 127-163.
- <sup>3</sup> Ihsan Yilmaz. 2005. *Muslim Laws, Politics and Society in Modern Nation States*. Hants, England: Ashgate.
- <sup>4</sup> [Ali 'Imran (3) : 110]
- <sup>5</sup> [Al-Anbiya' (21) : 107]
- <sup>6</sup> Hadis riwayat Imam al-Tirmizi (2007) dengan terdapat di dalam salah satu sanadnya kelemahan. Namun nas hadis ini sahih secara mauquf dari Ibn Mas'ud r.a. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibn al-Bar dalam kitabnya "Jamie Bayan al-Ilm wa Fadlihi" (145, 1874).
- <sup>7</sup> [Fussilat (41): 53]
- <sup>8</sup> [ al-Mujadalah (58) : 11]
- <sup>9</sup> Sila rujuk Solah Sultan: "Ilmu Asas Tamadun Islam" versi online di: [http://www.salahsultan.com/main/\\_0cf.phtml](http://www.salahsultan.com/main/_0cf.phtml)
- <sup>10</sup> [Al-Baqarah (2) : 170]
- <sup>11</sup> [Yunus (10) : 36]
- <sup>12</sup> [Al-Najm (53) : 23]
- <sup>13</sup> [Al-Anbiya (21) : 30]
- <sup>14</sup> [Al-Syu'ara (26) : 61-62]
- <sup>15</sup> [Al-An'am (6) : 79]
- <sup>16</sup> [Al-Baqarah (2) : 112]
- <sup>17</sup> [Yusuf (12) : 23]
- <sup>18</sup> [Al-Fath (48) : 4]
- <sup>19</sup> Sila rujuk al-Qaradawi : "Manhaj al-Qaradawi dalam (mengajar) akidah" versi online di :[http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu\\_no=2&item\\_no=3728&version=1&template\\_id=187&parent\\_id=18](http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu_no=2&item_no=3728&version=1&template_id=187&parent_id=18)
- <sup>20</sup> [Fussilat (41): 53]
- <sup>21</sup> [Al-An'am (6) : 74 - 79] Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa para Ulama tafsir berbeza pendapat kedudukan Nabi Ibrahim ketika berlaku peristiwa di atas. Pendapat pertama menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim dalam kedudukan (Nazhar) mencari kebenaran dan hidayat Allah. Pendapat kedua menerangkan bahawa Nabi Ibrahim dalam kedudukan berbahas dengan kaumnya mengenai soal ketuhanan. Imam Ibn Kathir cenderung kepada pendapat kedua di mana Nabi Ibrahim sedang mematahkan hujjah-hujjah kaumnya yang mempersekutukan Allah. [Imam Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim, jilid 2 cetakan Maktabah Dar Al-Turath, Kaherah.
- <sup>22</sup> [ Al-Baqarah (2) : 260]
- <sup>23</sup> Sulaiman Fayyadh, Ibn al-Nafis: Penemu Pusingan Darah Kecil, Siri Ulama' al-Arab (Cairo: Markaz al-Ahram li al-Tarjamah wa al-Nasyr, Jalan al-Jala', 1406H/1985M), m.s. 4.
- <sup>24</sup> Ini adalah kerana dalam banyak kritiknya terhadap teori Ibnu Sina, beliau sering menyatakan bahawa: "autopsi praktikal membuktikan kesilapan ini...", Ibid, m.s. 31
- <sup>25</sup> Iaitu pusingan darah di antara jantung dan hati (lung).

- <sup>26</sup> Sila rujuk Sheikh Faisal Mawlawi : “Memberi salam ke atas Ahlil Kitab” versi online di : [http://www.mawlawi.net/books/salam/index\\_all.html](http://www.mawlawi.net/books/salam/index_all.html)
- <sup>27</sup> Sila rujuk Sheikh Mustafa Az-Zarqa : “ Memberi ucap selamat sempena tahun baru” versi online di : <http://www.islamonline.net/fatwaapplication/arabic/display.asp?hFatwalD=17894>
- <sup>28</sup> [Al-Mumtahanah (60) : 8]
- <sup>29</sup> [Al-Nisa’ (4) : 86]
- <sup>30</sup> Imam Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-‘Azim, jilid 1 & 4 cetakan Darut At-Turath.
- <sup>31</sup> Imam al-Tabari, Jami’ al-Bayan ‘An Ta’wil Ayil Quran, jilid 5 cetakan Syarikat Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi – Mesir.
- <sup>32</sup> Imam Ibn al-‘Arabi, Ahkam al-Quran, jilid 4 cetakan Darul Kutub Al-Alamiah.
- <sup>33</sup> Imam al-Nasafi, Tafsir An-Nasafi jilid 4 cetakan Dar Ihyia Al-Kutub Al-Arabiah.
- <sup>34</sup> Imam al-Qurtubi, al-Jami Li Ahkam al-Quran cetakan Darul Kutub Al-Arabi Lil-Tiba’ah Wa al-Nasyr.
- <sup>35</sup> Imam Ibnu Kathir, Tafsir Al-Quran Al-Azim, jilid 1 & 4 cetakan Darut At-Turath.
- <sup>36</sup> [ al-Mujadalah (58) : 11]
- <sup>37</sup> Sila rujuk Dr Taha Jabir al-Ulwani : “Madkhal fi Fiqh al-Aqalliyat” versi online di : <http://www.alrashad.org/issues/12/12-Alwani.htm>
- <sup>38</sup> Imam al-Jauzy, Tarikh Umar al-Khattab, cetakan Maktabah al-Muayyid, Taif, muka surat 113-114.
- <sup>39</sup> Sila rujuk al-Qaradawi : “Secebis kehidupan al-Qaradawi” versi online di : [http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu\\_no=2&item\\_no=1213&version=1&template\\_id=217&parent\\_id=189](http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu_no=2&item_no=1213&version=1&template_id=217&parent_id=189)
- <sup>40</sup> Sila rujuk al-Qaradawi : “Secebis kehidupan al-Qaradawi” versi online di : [http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu\\_no=2&item\\_no=1213&version=1&template\\_id=217&parent\\_id=189](http://www.qaradawi.net/site/topics/article.asp?cu_no=2&item_no=1213&version=1&template_id=217&parent_id=189)
- <sup>41</sup> [ Hud (11) : 118 – 119]
- <sup>42</sup> [Al-Hujurat ((49) : 13]
- <sup>43</sup> Di dalam kitab al-Sirah al-Nabawiah ada menjelaskan bahawa golongan Muhajirin menjadi tetangga yang terbaik di sisi raja al-Najasyi.
- <sup>44</sup> Ibn al-Jauzi, Tarikh Umar ibn al-Khattab, muka surat 121 – 123 cetakan Maktabah al-Mu’ayyad, Taif.
- Mahayudin Hj. Yahaya, Tamadun Islam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam.
- <sup>45</sup> Sila rujuk leلمان berikut: <http://www.habous.gov.ma/ar/detail.aspx?id=1383&z=386&s=345>
- <sup>46</sup> [Ibrahim (14) : 24-25].
- <sup>47</sup> [Yusuf (12) : 33 – 34]
- <sup>48</sup> Hadis riwayat Imam Bukhari.
- <sup>50</sup> [Al-‘Ankabut (29) : 36]
- <sup>51</sup> [Al-Anbiya (21) : 105]

- <sup>52</sup> Riwayat Imam al-Tabrizi di dalam kitab Misykat al-Masabih.
- <sup>53</sup> Hadis riwayat Imam Bukahri dan Imam Muslim. Imam al-San'ani, Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram, (Makkah al-Mukarramah: Maktabah Nazzaz Mustafa al-Baz,) jilid 4 muka surat 1207 –1219 .
- <sup>54</sup> [Al-Anbiya (21) : 78 – 79]
- <sup>55</sup> Imam Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-'Azim, jilid 3 muka surat 186, cetakan Maktabah Dar Al-Turath, Kaherah.
- <sup>56</sup> Hadis riwayat Imam Muslim.
- <sup>57</sup> Negara sekular : Sekularism dalam konteks Singapura adalah sebagai dasar tidak partisan (neutral) pemerintah terhadap mana-mana agama bagi menjamin keharmonian antara kaum.
- <sup>58</sup> [Hud (11): 88]
- <sup>59</sup> Hadis riwayat Imam al-Baihaqi, al-Qudha'ie dan al-'Askari daripada Jabir secara marfu'.
- <sup>60</sup> [Al-Baqarah (2) : 148]
- <sup>61</sup> [ Al-Muthaffifin (83) : 26]
- <sup>62</sup> [Al-Qashash (28) : 77]
- <sup>63</sup> [Al-Naml (27) : 40]
- <sup>64</sup> Kepelbagaian (majmuk) yang menjadi amalan Islam ialah kepelbagaian atau pluralisme yang merangkumi budaya, agama dan pandangan dalam bidang sosial.
- <sup>65</sup> [Al-Baqarah (2) : 62]
- <sup>66</sup> Piagam Madinah adalah perjanjian antara Rasulullah s.a.w dengan pelbagai kabilah yang meliputi orang-orang Yahudi dan kabilah Arab yang belum menganut Islam sejurus hijrah beliau dari Makkah. Lihat Ibn Katsir, Al-Bidayah Wa An-Nihayah, (Maktabah Al-Ma'arif, Beirut, 1984), jilid 3, ms 224 – 226.
- <sup>67</sup> [al-Mumtahanah (60): 8]
- <sup>68</sup> [Al-Nisa (4) : 1]
- <sup>69</sup> Hadis riwayat Imam Ahmad.
- <sup>70</sup> [Al-Isra (17) : 70]
- <sup>71</sup> [Hud (11) : 118]
- <sup>72</sup> [Al-Hujurat (49) : 13]
- <sup>73</sup> [Al-Baqarah (2) : 190]
- <sup>74</sup> [Al-Hujurat (49): 13]
- <sup>75</sup> Konsep Ta'aruf dan Ta'ayusy dalam Islam bertitik tolak daripada pemahaman sahih terhadap akidah Islamiah. Akidah Islamiah menekankan bahawa semua manusia adalah makhluk ciptaan Allah dan mereka semua adalah anak-anak Adam A.S. Perbezaan manusia adalah merupakan ketentuan dan kehendak Allah. sepertimana Allah menciptakan manusia dalam bentuk perbezaan dari sudut warna kulit dan bahasa, begitu juga Dia menciptakan mereka berbeza dari segi agama dan pegangan. Perbezaan ini bukan mendorong manusia kepada benci-membenci dan bermusuhan sesama manusia, akan tetapi perbezaan ini menganjurkan manusia supaya terus berkenalan, berhubung dan hidup bersama sesama mereka. Ini kerana mereka semua telah dihubungkan dengan dua ikatan iaitu : ikatan sebagai makhluk ciptaan Tuhan Yang Esa dan ikatan keluarga

dari seorang bapa yang satu iaitu Nabi Adam A.S. Sila rujuk Dr Abdul Aziz bin Othman al-Tuwaijiri, *Al-Islam wa al-Ta'ayusy baina al-Adyan fi Ufuq al-Qarn al-Hadi wa al-Isyirin*, edaran Islamic Education, Science and Cultural Organization, ISESCO 1998.

<sup>76</sup> [Al-Mumtahanah (60): 8]

<sup>77</sup> [Al-Maidah (5): 2]

<sup>78</sup> Ulama hadis silam dan masakini seperti Imam al-Sakhawi, Imam Ibn al-Hajar, Imam al-Qari dan Sheikh Albani menjelaskan bahawa ungkapan "Hubbul Watan Minal Iman" bukan daripada nas al-Hadis. Meskipun ungkapan tersebut bukan daripada nas al-Hadis, namun makna ungkapan tersebut dinilai sah oleh Imam al-Sakhawi. Sebahagian ulama seperti Imam Sayyid Mu'in al-Safawi menjelaskan kemungkinan ungkapan tersebut timbul daripada sebahagian salaf.

<sup>79</sup> Dr Salah al-Sultan, *Dhawabit al-Manhajiyah li fiqh al-Aqalliyah al-Muslimah*, versi online: <http://www.salahsoltan.com/main/download.php?id=101888,69,2>

<sup>80</sup> [Ali Imran (3) : 110]

<sup>81</sup> Hadith riwayat Imam Ahmad.

<sup>82</sup> Berita Harian, Isnin, 13 Jun 2005.

<sup>83</sup> <http://www.singstat.gov.sg/keystats/c2000/indicators.pdf>

<sup>84</sup> [Yusuf (12) : 43 – 49]

<sup>85</sup> Ibn Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiah*, jilid 1, (Dar al- Manar), muka surat 137 –140,.

<sup>86</sup> [Al-Nahl (16):125]

<sup>87</sup> [Al-Anbiya' (21): 107]

<sup>88</sup> [Al-Taubah (9) : 128]

<sup>89</sup> Gambaran Abdulah bin Umar dan Abdullah bin al-Salam terhadap Rasulullah s.a.w. Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam al-Baikhaqi.

<sup>90</sup> Gambaran 'Aisyah terhadap Rasulullah s.a.w. Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim.

<sup>91</sup> Gambaran Ali bin Abu Talib terhadap Rasulullah s.a.w. Sila lihat leلمان berikut: [http://www.islamonline.net/Arabic/In\\_Depth/mohamed/1424/Preview/article01.shtml#28](http://www.islamonline.net/Arabic/In_Depth/mohamed/1424/Preview/article01.shtml#28)

<sup>92</sup> Gambaran Hind bin Abu Halah terhadap Rasulullah s.a.w. Sila lihat leلمان berikut: [http://www.islamonline.net/Arabic/In\\_Depth/mohamed/1424/Preview/article01.shtml#28](http://www.islamonline.net/Arabic/In_Depth/mohamed/1424/Preview/article01.shtml#28)

<sup>93</sup> Hadis riwayat Imam Bukhari. Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, *Zad al-Ma'ad*, (Dar al-Fikr), jilid 3, muka surat 24-25,

<sup>94</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fathul Bari Syarhu Sahih al-Bukhari*, (Kaherah: Dar al-Hadith), jilid 8 muka surat 23-24,

<sup>95</sup> [Fussilat (41) : 34-35]

<sup>96</sup> Imam Ibn al-Arabi, *Ahkam al-Quran*, jilid 4 cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut,Lubnan 1998, muka surat 85

<sup>97</sup> [Ali Imran (3) : 159]

<sup>98</sup> Ibn al-Manzur, *Lisan al-Arab*, Jilid 4 muka surat 3112.